

MODUL SOALAN RUMUSAN SPM

SET 1

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kelebihan makan bersama-sama dengan keluarga** dan **halangan untuk mengamalkannya**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Budaya makan bersama-sama dengan keluarga kini semakin kurang diamalkan. Meluangkan masa makan bersama-sama dengan keluarga sekurang-kurangnya sekali sehari memberikan kesan besar kepada kesejahteraan minda dan emosi anak-anak. Malangnya, anak-anak zaman sekarang makan tanpa mengikut waktu makan yang sepatutnya. Memang tidak dapat dinafikan bahawa amat sukar untuk mencari masa makan bersama, terutamanya pada waktu siang namunkita boleh berkumpul sekeluarga pada waktu makan malam.

Ketika makan bersama, ibu bapa dapat menunjukkan tabiat pemakanan yang baik supaya boleh menjadi teladan atau ikutan anak-anak. Hal ini termasuklah makan sayur, buah-buahan dan banyak minum air kosong. Kalau diperhatikan, adab ketika di meja makan kini semakin hilang, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Anak-anak lebih gemar menikmati makanan ketika menonton televisyen. Jika menjamu selera di meja makan, ada anak-anak yang tergesa-gesa menghabiskan makanan kerana mahu menonton rancangan kegemaran ataupun bermain permainan komputer. Ketika inilah ibu bapa boleh menetapkan disiplin atau adab di meja makan. Adab-adab berkenaan, termasuklah mengajar anak-anak menyediakan hidangan, membasuh pinggan mangkuk, makan secara beradab, serta melatih mereka mengemas meja selepas makan.

Waktu makan ialah masa yang berkualiti, tenang dan menyeronokkan. Ketika makan, ibu bapa boleh berinteraksi dengan anak-anak. Antara topik yang boleh dibincangkan ialah peristiwa menarik di sekolah, perkara yang menggembirakan atau menyedihkan anak-anak atau rakan-rakan rapat mereka. Secara tidak langsung, ibu bapa juga dapat mengesan pergerakan harian anak-anak, terutamanya yang sudah masuk usia remaja. Kajian juga menunjukkan lebih kerap keluarga makan bersama, lebih rendahlah kemungkinan anak-anak untuk terbabat dalam gejala sosial sepertimerokok, mengambil minuman keras, penyalahgunaan dadah, dan pergaulan bebas.

Ada kalanya anak-anak mempunyai pandangan negatif terhadap ibu bapa. Oleh yang demikian, ibu bapa boleh menjadikan masa makan sebagai masa yang terbaik untuk memuji anak-anak. Mereka boleh berterima kasih kepada perlakuan baik atau kerajinan mereka dalam membantu keluarga dan belajar. Perbincangan ketika masa makan juga dapat melatih anak-anak berfikir dan bertutur kerana perbualan panjang antara ibu bapa dengan anak-anak pastiberlaku. Tamsilnya, anak-anak dapat belajar perkataan baharu yang diperolehi ketika perbualan di meja makan. Selain itu, keakraban hubungan antara anggota keluarga akan terjalin. Keakraban hubungan ini memberikan kesan besar kepada kehidupan anak-anak dan akan mempengaruhi tabiat makan mereka. Tegasnya, makan bersama-sama dengan keluarga perlu menjadi amalan dalam masyarakat kita. Amalan ini mampu membentuk adab sopan anak-anak demi menjadikan mereka anggota masyarakat yang berhemah.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Amalan Makan Bersama', Harian Metro, 21 Mac 2012)

SET 2

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan **tentang usaha-usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam dan kesan-kesan usaha tersebut kepada negara**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Pelbagai transformasi dilaksanakan oleh kerajaan yang dipimpin oleh Datuk Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak demi meningkatkan kredibiliti perkhidmatan awam di negara ini. Perkhidmatan awam yang dianggotai kira-kira 1.2 juta orang kakitangan tidak terkecuali daripada terlibat dalam transformasi sejajar dengan tuntutan untuk menzahirkan aspirasi kerajaan. Semua penjawat awam perlu berganding bahu dan berazam untuk merealisasikan aspirasi kerajaan yang mengutamakan prestasi dan bertunjangan keutamaan kepada rakyat.

Peranan penjawat awam amat signifikan dalam melaksanakan agenda negara. Teguran sering dibuat terhadap sikap negatif kakitangan awam yang kurang mesra di kaunter-kaunter apabila berurusan dengan pelanggan. Keadaan ini berlaku disebabkan sikap segelintir kakitangan awam yang tidak bertanggungjawab sehingga mencalar nama baik penjawat awam. Kakitangan awam perlu membudayakan kreativiti dan inovasi penjawat awam. Sementara itu, dalam usaha untuk memastikan setiap ringgit dan sen yang dibelanjakan mendapat pulangan nilai paling maksimum kepada kerajaan dan rakyat, amalan nilai untuk wang perlu dilaksanakan. Hal ini demikian kerana, kerajaan telah berbelanja berjuta-juta ringgit setiap tahun hanya untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam.

Yang paling perlu ialah kakitangan awam sendiri perlu melakukan anjakan paradigma untuk menghadapi cabaran pada masa depan. Pelbagai penyelesaian terbaik demi memartabatkan negara ke tahap yang lebih tinggi perlu dilaksanakan. Mereka hendaklah bersama-sama memberikan sepenuh komitmen dalam memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. Mereka juga perlu meningkatkan nilai integriti ketika bertugas. Peningkatan tahap integriti ini amat selari dengan komitmen kerajaan yang mahu mewujudkan sebuah pentadbiran yang mendahulukan rakyat dan mengutamakan pencapaian.

Kakitangan awam juga digesa untuk memberikan perkhidmatan yang lebih menjurus kepada usaha mempermudah dan mempercepat urusan pelanggan tanpa kerehnan birokrasi. Sering kali kedengaran rungutan daripada mulut kebanyakan orang tentang kelewatan penjawat awam melaksanakan tugas mereka apabila mereka berurusan di pejabat-pejabat kerajaan. Cara ini didapati berupaya membendung amalan rasuah dalam kalangan penjawat awam. Ada juga kakitangan awam yang tidak segan silu meminta bayaran jika orang ramai mahukan urusan mereka dibuat dengan segera.

Pembaharuan demi pembaharuan yang dilakukan mampu menutup ruang-ruang kosong demi meningkatkan mutu perkhidmatan awam di negara ini. Hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan daya saing negara di persada antarabangsa bakal menjadi kenyataan tidak lama lagi. Semangat kerja secara berpasukan juga perlu diterapkan dalam setiap tugas yang dilaksanakan demi mencapai sasaran yang ditetapkan. Sesungguhnya setiap program yang dilaksanakan menjadi titik tolak yang melakar perubahan dalam sejarah perkhidmatan awam di negara ini.

(Dipetik dan diubah suai daripada “Transformasi Pkhidmatan Awam”,

SET 3

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **peranan generasi muda dalam mengisi kemerdekaan dan langkah-langkah meningkatkan kesedaran tentang semangat cinta akan negara dalam kalangan generasi muda**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Tahun ini Malaysia meraikan Hari Kemerdekaan yang ke-58 tahun. Diam tidak diam sudah hampir separuh abad negara kita terlepas daripada cengkaman penjajah. Menjadi rutin tahunan, menjelang sahaja bulan Ogos atau dikenali bulan kemerdekaan, agensi atau Kementerian yang berkenaan akan mula menjalankan Kempen Kibarkan Jalur Gemilang. Namun begitu, perkara yang menjadi kebimbangan banyak pihak ialah generasi muda tidak mengambil endah tentang hari kemerdekaan. Mereka sewajarnya menghayati erti kemerdekaan dengan mendalam.

Banyak kemajuan yang telah dicapai oleh generasi muda melalui usaha keras mereka sendiri dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan. Walau bagaimanapun, generasi muda juga menghadapi pelbagai masalah. Jika hal ini tidak diatasi secara menyeluruh akan memberi kesan kepada usaha pembangunan. Pelbagai permasalahan sosial dalam kalangan generasi muda kerap diperkatakan. Hal ini terbukti menerusi kes jenayah dan salah laku membabitkan mereka di negara kita kian serius dan bertambah kronik. Penyalahgunaan dadah pula masih lagi memberi petunjuk bahawa kedudukan masalah ini masih pada peringkat yang membimbangkan. Kesan penyalahgunaan dadah kepada negara boleh membantutkan usaha untuk menjayakan dasar-dasar yang diwujudkan. Oleh itu, generasi muda perlu mengelakkan diri daripada dadah kerana mereka merupakan aset yang bernilai bagi negara.

Mereka juga kurang mempunyai semangat patriotisme kerana dikatakan tidak dapat merasai detik-detik kepayahan dalam menuntut kemerdekaan di samping hidup pada zaman yang selesa. Mereka sepatutnya bertanggungjawab membina kejayaan negara iaitu sanggup bekerja keras untuk negara. Generasi muda juga perlu mementingkan kecemerlangan dalam pendidikan. Hal ini demikian kerana pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju menjelang 2020.

Generasi muda perlu membantu pihak kerajaan bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan negara. Hal ini demikian kerana keamanan dapat mengelakkan negara daripada serangan musuh sama ada berbentuk fizikal atau psikologi. Tambahan pula, tugas generasi muda adalah untuk memastikan Malaysia akan terus berpegang pada konsep keadilan dan kesaksamaan. Dengan ini, semua rakyat dapat menikmati kemakmuran dan kemajuan bersama-sama. Selain itu, generasi muda yang akan mengisi perjuangan kemerdekaan hendaklah memastikan prinsip demokrasi akan terus diamalkan di samping dapat mengurus negara dengan bijak. Sesungguhnya kejayaan negara dalam fasa kedua 58 tahun kemerdekaan memerlukan komitmen semua pihak terutama generasi muda.

(Dipetik dan diubah suai daripada ‘Di manakah Semangat Patriotisme Kita,’

SET 4

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan-kepentingan hutan tanah tinggi** dan **usaha-usaha untuk mengekalkannya**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Hutan adalah sebahagian daripada ekosistem global yang menampung serta memperkaya kehidupan manusia. Ekosistem hutan mempunyai kitaran yang kompleks, iaitu melibatkan air, tanah, atmosfera, tumbuh-tumbuhan, dan fauna. Hutan yang terdapat di seluruh dunia dapat diklasifikasikan kepada beberapa jenis. Antaranya termasuklah hutan hujan tropika, hutan bakau, hutan pokok tirus, hutan pokok daun luruh, dan sebagainya.

Sebahagian besar daripada hutan di Malaysia ialah hutan hujan tropika. Di Malaysia juga terdapat sebahagian kawasan hutan yang berada di tanah tinggi yang melebihi 300 meter dari aras laut. Hutan ini dipanggil hutan tanah tinggi. Kebanyakan kawasan hutan tanah tinggi di negara ini menjadi sumber bekalan air bersih. Hutan tanah tinggi menyimpan air bersih dan melepaskannya apabila kandungan airnya bertambah. Apabila hujan turun, terutamanya sewaktu musim hujan, hutan tanah tinggi ini akan bertindak menyerap sejumlah besar air melalui akar pokok. Air yang terperangkap di bawah tanah akan memasuki anak sungai yang membentuk kawasan bekalan air yang sedia digunakan pada musim kemarau. Hutan tanah tinggi juga bertindak sebagai penapis semula jadi bagi air hujan. Hutan ini dapat mencegah hujan daripada terus menimpa tanah dengan terlalu kuat sekali gus dapat mencegah kerosakan bahagian lapisan atas tanah

Hutan tanah tinggi yang terdapat di banjaran utama negara kita pula merupakan kawasan yang dapat membekalkan sumber hutan. Hutan tanah tinggi ini membekalkan kayu balak dan ramuan ubat-ubatan. Kayu balak dan pelbagai ramuan ubat tradisional daripada pokok-pokok di hutan ini menjadi sumber rezeki bagi sesetengah pihak. Malah, hutan ini menjadi sumber kepelbagaian biologi. Hutan tanah tinggi ini turut berfungsi sebagai pembekal makanan kepada haiwan sepanjang tahun. Di hutan tanah tinggi ini terdapat berbagai-bagai jenis bunga, buah, daun, dan kacang yang menjadi sumber makanan hidupan. Selain itu, hutan tanah tinggi ini menjadi habitat bagi beraneka spesies flora dan fauna. Namun begitu, aktiviti-aktiviti manusia yang tidak terkawal telah menjejaskan ekosistem kawasan tanah tinggi tersebut. Antara ancaman kawasan hutan tanah tinggi ini termasuklah pengambilan sumber galian dan pembalakan serta pengambilan spesies tumbuhan penting untuk tujuan komersial. Kelemahan dalam perancangan pembangunan dan pengurusan serta penggunaan tanah secara berleluasa turut menjadi ancaman kawasan hutan tanah tinggi. Ancaman-ancaman ini perlu dikawal untuk mengekalkan sumber hutan negara.

Faedah hutan tanah tinggi yang lain ialah hutan ini bertindak sebagai tempat rekreasi dan pelancongan. Misalnya, terdapat beberapa buah taman negara yang terletak di hutan tanah tinggi. Taman negara ini menjadi daya tarikan para pelancong dari dalam dan luar negara untuk berinteraksi dengan alam semula jadi. Di samping itu, hutan ini juga merupakan sumber penyelidikan perubatan farmasi yang amat bernilai. Pelbagai kajian dan penyelidikan dapat dijalankan bagi mendapatkan input baharu untuk meningkatkan kesihatan masyarakat.

Disediakan Oleh: Izzat Hakim Ismail

SET 5

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha menangani jenayah siber** dan **masalah-masalah menangani jenayah siber**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Istilah alam siber digunakan secara meluas untuk menggambarkan sesuatu yang berkaitan dengan komputer, teknologi maklumat dan pelbagai budaya. Internet merujuk dunia dalam talian sebagai media komunikasi. Setiap individu di alam siber mempunyai kuasa tersendiri dengan bersembunyi di sebalik nama samaran. Keadaan ini mendedahkan pengguna kepada jenayah di alam siber seperti mangsa ditipu menerusi Internet yang melibatkan kerugian wang ringgit khususnya menerusi laman sesawang “bank palsu”. Pengguna juga terpedaya dengan propaganda yang belum tentu kesahihannya. Oleh itu, terdapat beberapa garis panduan yang perlu dipatuhi oleh pengguna, antaranya penggunaan program antivirus yang menyediakan perlindungan secukupnya kepada komputer peribadi.

Dalam dunia Internet, terdapat segelintir golongan yang menceroob sistem komputer yang dikenali sebagai penggodam. Bagi mengelakkan penggodaman berlaku, kata laluan mestilah sentiasa dilindungi supaya lebih selamat dan sukar diakses oleh orang lain. Jenayah siber juga boleh berlaku melalui e-mel. Oleh itu, pengguna jangan sesekali membuka e-mel yang meragukan daripada pihak yang tidak dikenali. Jika pengguna ingin juga membuka e-mel berkenaan, pastikan tidak terus mengklik pautan yang disediakan kerana lazimnya transaksi rasmi dalam talian tidak akan menghantar e-mel yang mempunyai pautan di dalamnya. Sekiranya terdapat lampiran yang dihantar, kita disarankan mengimbas lampiran terlebih dahulu sebelum membukanya.

Selain itu, pengguna hendaklah berhati-hati apabila bersembang dengan orang yang tidak dikenali di alam siber. Hal ini demikian kerana banyak kes jenayah dan salah laku sosial bermula daripada ruangan sembang di Internet. Kita juga diharapkan tidak mudah membuat janji temu dengan kenalan di alam siber. Sekiranya bersetuju bertemu, bermakna sebelah kaki sudah termasuk dalam perangkap penjenayah siber. Begitu juga pengguna jangan sesekali memberikan kepercayaan dengan mendedahkan maklumat peribadi kepada individu yang baru dikenali menerusi Internet.

Seterusnya, pengguna jangan mudah membayar wang sebagai deposit untuk mendapatkan sesuatu yang dijanjikan. Pengguna juga jangan mudah menjadi responden soal selidik yang diuruskan oleh individu yang tidak dikenali di alam siber yang sebenarnya hanya bertujuan untuk menjanakan pendapatannya. Bertitik tolak daripada situasi tersebut, pengguna Internet usah mudah terpedaya dengan godaan untuk menjadi kaya dengan cepat menerusi iklan pelaburan yang menjanjikan keuntungan berlipat ganda. Iklan sebegini biasanya meminta pengguna mengeluarkan sedikit wang sebagai modal. Namun, pilihan terletak di tangan pengguna untuk menilai maklumat yang dipaparkan dalam Internet itu benar atau sebaliknya.

SET 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **faedah-faedah menderma darah** dan **langkah-langkah menggalakkan orang ramai menderma darah**. Panjangnya rumusan anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Derma darah amalan mulia yang bukan hanya dapat memupuk nilai baik dalam diri, tetapi paling penting turut membantu menyelamatkan nyawa. Malangnya di negara kita, amalan ini kurang mendapat sambutan terutama daripada golongan muda. Menyedari kepentingan amalan itu, Pelbagai usaha perlu dilakukan untuk menggalakkan masyarakat menderma darah bagi memastikan bekalan di Bank Darah sentiasa mencukupi. Antara langkah tersebut ialah tarikh 14 Jun diisytiharkan sebagai Hari Derma Darah Sedunia. Namun hakikatnya, kempen menderma darah masih kurang mendapat sambutan dan tidak memenuhi jumlah keperluan darah yang diperlukan. Hal ini disebabkan kurangnya kesedaran mengenai kepentingan menderma darah, selain kurang maklumat dan pendedahan mengenai menderma darah. Malah, sambutan Hari Derma Darah Sedunia tidak diuar-uarkan untuk disambut sebagai menyedarkan masyarakat mengenai kepentingan menderma darah. Melalui amalan derma darah, bukan sahaja penerima darah menerima kelebihan bahkan terbukti bahawa penderma juga dapat kelebihan dengan menderma darah.

Antara kelebihan menderma darah ialah penderma dapat melahirkan satu perasaan yang sangat menggembirakan apabila berjaya menolong doktor menyelamatkan nyawa orang lain. Selain itu, derma darah secara konsisten dapat mengurangkan risiko kanser termasuk kanser hati, paru-paru, colon, perut dan tekak. Amalan derma darah juga dapat mengurangkan jumlah zat besi yang berlebihan di dalam badan dan dapat menghindarkan risiko sakit jantung. Sebelum setiap proses menderma darah bermula, seseorang penderma akan melalui beberapa pemeriksaan kesihatan percuma. Secara tidak langsung, hal ini dapat membantu mereka mengdiagnosis sebarang penyakit pada peringkat awal sebelum penyakit tersebut makin teruk. Bersama-sama dengan pemeriksaan kesihatan, para penderma akan menerima dan mengetahui analisis darah serta jenis darah secara percuma. Kalau sendiri pergi ke klinik atau hospital untuk mengetahui jenis darah atau analisis darah, sudah tentu kena bayar.

Setiap kali seseorang menderma darah, sebanyak 640 Kcal akan hilang. Hal ini boleh membantu seseorang dalam proses untuk mengurangkan berat badan. Di samping itu, perasaan gembira mendapat pek percuma seperti makanan, minuman, t-shirt dan sijil amat baik untuk sistem imun di dalam badan. Derma darah juga membolehkan penderma untuk mengisi semula bekalan darah, membantu badan penderma berfungsi dengan lebih cekap dan dapat bekerja secara produktif. Oleh itu, usaha orang ramai untuk menderma darah amatlah dihargai. Namun anda layak untuk menderma darah sekiranya anda seorang penderma yang berisiko rendah iaitu tidak memudaratkan diri sendiri dan darah yang anda derma itu tidak tercemar dengan virus penyakit-penyakit yang boleh berjangkit menerusi pemindahan darah.

Disediakan Oleh: Izzat Hakim Ismail

Tuntasnya, menderma darah merupakan satu amalan sukarela yang terpuji dan tidak ternilai sumbangannya. Keinginan untuk menderma darah perlulah wujud dalam diri setiap individu tanpa dipaksa oleh mana-mana pihak. Malah setiap orang haruslah mengganggap bahawa menderma darah adalah satu tanggungjawab diri dan mendermanya tanpa diundang.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Derma Darah Kurang Dapat Sambutan Golongan Muda'
The Borneopost.com, 2015)

SET 7

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **faktor-faktor berlakunya longgokan sampah** dan **kesan-kesan longgokan sampah**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Secara purata, setiap rakyat Malaysia membuang dua kilogram sampah sehari. Kira-kira 45 peratus daripada sampah tersebut ialah sisa makanan, 25 peratus plastik dan 30 peratus bahan-bahan lain. Hal ini bererti hampir setengah daripada jumlah sampah di negara kita terdiri daripada sisa makanan. Keadaan ini disebabkan oleh sikap kebanyakan rakyat Malaysia yang suka membeli makanan mengikut nafsu, bukan mengikut keperluan. Sampah terhasil apabila isi rumah membuang apa-apa yang tidak perlukan oleh mereka. Apabila sistem kutipan sampah tidak sempurna, sampah mula bertimbun di tempat sendiri.

Terdapat orang ramai yang gagal menguruskan sampah mereka dan tidak melupuskannya mengikut cara yang betul, sehingga menyebabkan berlakunya longgokan sampah. Selain itu, amalan penggunaan pinggan mangkuk dan bungkusan pakai buang seperti polisterina dan beg plastik yang semakin berleluasa pada masa ini turut menjadi penyumbang kepada longgokan sampah sarap. Oleh itu, kerajaan seharusnya menguatkuasakan larangan penggunaan polisterina dan beg plastik kerana penguraiannya memakan masa yang sangat lama. Selain itu, terdapat juga sesetengah barangan dibungkus secara berlebihan untuk menarik minat pengguna. Namun demikian, tanpa disedari bahan pembungkusan barangan yang dibuang begitu sahaja boleh menyebabkan timbunan sampah semakin bertambah. Masalah tersebut menjadi semakin serius apabila terdapat pihak yang dipertanggungjawab untuk mengutip dan melupuskan sampah tidak menjalankan tugas secara berkesan.

Baru-baru ini, sebuah akhbar melaporkan bahawa sikap pembaziran dalam kalangan rakyat Malaysia semakin menjadi-jadi khususnya semasa musim perayaan. Masyarakat kita yang gemar membeli barangan baharu dan membuang barangan lama menjadikan masalah longgokan sampah tiada penyelesaiannya. Perkara ini tidak akan berlaku jika amalan kitar semula dilaksanakan dalam kalangan rakyat. Malangnya, amalan kitar semula di negara kita kurang mendapat sambutan. Keadaan ini diburukkan lagi apabila tempat pengumpulan bahan kitar semula yang ada di seluruh negara tidak mencukupi. Seharusnya, tong kitar semula disediakan di banyak tempat dan ada pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskannya secara berkesan.

Di samping itu, sikap masyarakat yang tidak ada kesedaran akan pentingnya menjaga alam sekitar dengan membuang bahan buangan domestik sewenang-wenangnya turut menyebabkan masalah longgokan sampah yang tidak terkawal. Contohnya, penggunaan lampin pakai buang yang menjadi gaya hidup masyarakat moden pada hari ini telah menambahkan lagi masalah longgokan sampah. Seharusnya, penggunaan lampin bayi jenis kain yang boleh dicuci menjadi pilihan kerana lampin

pakai buang amat sukar untuk dilupakan. Sehubungan dengan itu, masyarakat perlu segera beralih kepada penggunaan bahan mesra alam. Dalam hal ini, pendidikan memainkan peranan utama untuk melahirkan masyarakat pengguna yang bijak demi kesejahteraan hidup manusia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Longgokan Sampah Masalah yang Tiada Noktah'
oleh Amlir Ayat,
Dewan Masyarakat, November 2011

SET 8

Baca petikan berikut dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **faktor-faktor pelaksanaan dasar MBMMBI** dan **kekangannya**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kerajaan pada 8 Julai 2009 telah memansuhkan pelaksanaan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) di sekolah-sekolah dan digantikan dengan dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Memartabatkan bahasa Melayu bermaksud meletakkan bahasa Melayu pada tempat yang sepatutnya dan sesuai dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia, Perkara 152. Bahasa Melayu juga merupakan bahasa pengantar utama dalam pendidikan berasaskan Akta Pendidikan 1996.

Tujuan utama pelaksanaan dasar MBMMBI ini jelas kerana bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan yang menjadi alat perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum. Dalam bidang pendidikan, bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa ilmu kerana banyak buku ilmiah sama ada buku terbitan asal ataupun buku terjemahan menggunakan bahasa Melayu sebagai medium untuk menyampaikan ilmu pengetahuan.

Semua guru disarankan agar memahami sepenuhnya maksud dan definisi MBMMBI serta dapat memaklumkan hasrat dan matlamat pelaksanaan dasar ini kepada murid-murid dan masyarakat dengan jelas. Dengan meletakkan bahasa Melayu di tempat yang sepatutnya kebudayaan bangsa Melayu akan terpelihara dan seterusnya dapat dilestarikan.

Umum mengetahui bahawa, dalam masyarakat pelbagai etnik, perlu wujud satu medium untuk mereka saling berhubung. Dasar MBMMBI ini diaspirasikan agar satu bentuk komunikasi yang berkesan dapat dilakukan dalam kalangan masyarakat. Hal ini akan dapat memupuk sikap saling menghormati antara satu sama lain. Di sekolah, para guru perlu membudayakan penggunaan Bahasa Melayu baku agar martabat bahasa itu dapat diletakkan pada kedudukan yang sewajarnya.

Bagi perkembangan bahasa Inggeris pula, kepentingan bahasa ini sebagai bahasa kedua tidak dapat dinafikan. Bahasa Inggeris penting sebagai alat komunikasi antarabangsa dan menjadi medium untuk wacana ilmu di peringkat tersebut. Dasar MBMMBI yang dilaksanakan ini juga memberikan penekanan kepada bahasa Inggeris kerana bahasa ini membantu perkembangan kemajuan dalam sektor perniagaan dan ekonomi global pada era globalisasi ini. Kesimpulannya, dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris kena pada tempatnya dan tepat pada masanya. Marilah sama-sama kita menjaga dan memartabatkan budaya bangsa kita.

Disediakan Oleh: Izzat Hakim Ismail

(Dipetik dan diubahsuai daripada rencana MBMMBI,
Buletin Pendidikan, Disember 2010)

SET 9

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian tulis satu rumusan tentang **faktor-faktor jenayah pemerdagangan orang** dan **implikasinya kepada negara**. Panjangnya rumusan tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pemerdagangan manusia ialah masalah global yang kian meningkat jumlah kesnya sejak seabad yang lepas. Jenayah ini membabitkan perbuatan eksploitasi pada skala yang besar terhadap wanita, lelaki dewasa dan kanak-kanak dalam bentuk perhambaan moden. Mengikut laporan Amnesty International, pada tahun 2004 dianggarkan 700,000 orang diperdagangkan pada setiap tahun. Amat malang sekali kerana Malaysia dilihat sebagai tempat menarik oleh sindiket permerdagangan manusia untuk menjalankan aktiviti mereka. Usaha kerajaan memerangi aktiviti permerdagangan manusia berhadapan dengan pelbagai cabaran kerana isu ini merupakan jenayah rentas sempadan. Jenayah ini sukar dikesan kerana melibatkan banyak negara contohnya negara-negara yang berjirandari segi kedudukan geografinya, Orang yang diperdagangkan direkrut oleh agensi-agensi pekerjaan secara sukarela mahupun secara paksa. Pada mulanya, mereka diperdagangkan kerana telah dijanjikan pekerjaan yang baik di negara yang menjadi destinasi. Mereka juga diyakinkan bahawa aktiviti ini tidak menyalahi peraturan.

Perkembangan ekonomi dan kemakmuran Malaysia menjadi tarikan utama kepada ramai warga asing dari seluruh dunia berhijrah ke negara kita. Kebanyakan mereka yang datang dari Indonesia, Bangladesh, Nepal dan Vietnam telah menjadi mangsa selepas dijanjikan pekerjaan dengan bayaran lumayan sedangkan semuanya palsu. Keadaan ini merencakkan aktiviti penyeludupan dan pemerdagangan manusia. Pada masa yang sama kewujudan pusat hiburan yang beroperasi secara haram menyebabkan permintaan yang tinggi kepada aktiviti ini. Hal ini ditambah oleh, kedudukan Malaysia di tengah-tengah negara Asean yang menjadikan antara lokasi strategik untuk aktiviti permerdagangan manusia. Menyedari masalah itu, Akta Antipemerdagangan orang 2007 telah diluluskan tetapi akta ini masih belum cukup kuat untuk menghalang jenayah ini. Selain itu, modus operasi sindiket yang membawa masuk mangsa sukar dikesan oleh pihak berkuasa disebabkan mereka memasuki Malaysia menggunakan pas lawatan sosial atau pas pelajar. Bukan hanya wanita, malahan lelaki dewasa turut diperdagangkan terutama untuk tujuan pengeksploitanian buruh. Kanak-kanak dan bayi juga mendapat permintaan yang tinggi bagi aktiviti meminta sedekah.

Selain itu juga, kesedaran dan kefahaman masyarakat Malaysia yang masih rendah tentang isu ini turut menjadi penyebab kepada permasalahan ini. Keuntungan lumayan yang diperoleh oleh sindiket dengan jumlah yang besar hasil daripada aktiviti pemerdagangan manusia juga menyebabkan kegiatan ini terus berleluasa. Kanak-kanak dan bayi diperdagangkan untuk dijadikan anak angkat kepada pasangan yang tidak mempunyai zuriat sendiri. Kemiskinan di negara asal membuatkan

mangsa hilang pertimbangan kerana percaya akan janji-janji manis pihak sindiket. Penguatkuasaan undang-undang yang lemah seperti hukuman yang ringan turut menyebabkan kegiatan yang tidak bermoral ini terus berlaku. Kesimpulannya, sindiket pemerdagangan manusia dilihat semakin meruncing dari hari ke hari dan mengugat hak asasi manusia. Kerjasama masyarakat dunia diharap merupakan jalan terbaik bagi membendung jenayah ini daripada terus menjadi barah kepada masyarakat.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana. “
Globalisasi dan Fenomena Pemerdagangan Manusia”,
informasi globalisasi, blogspot.com, 22 Jun 2015)

SET 10

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **peranan kaunselor dan langkah-langkah untuk menggalakkan murid mendapatkan khidmat kaunselor**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Murid-murid pasti sudah biasa mendengar perkataan kaunselor, tetapi sejauh manakah pengetahuan mereka tentang fungsi kaunselor? Ramai murid yang masih kabur tentang fungsi sebenar kaunselor dan kriteria individu yang memerlukan khidmatnya. Sebagai orang yang terlatih, kaunselor melaksanakan tugas berlandaskan pengetahuannya dalam bimbingan dan kaunseling yang mampu menangani sebahagian masalah di sekolah. Antara masalah yang dialami oleh murid ialah tekanan emosi. Dalam hal ini, fungsi kaunselor adalah untuk menolong murid mengenal pasti punca tekanan emosi tersebut, di samping memberikan bimbingan tentang cara menangani masalah yang dihadapi.

Walau bagaimanapun, kaunselor bukanlah berperanan untuk menyelesaikan masalah seperti tanggapan sesetengah pihak. Perkara ini perlu difahami oleh setiap murid yang mahu mendapatkan bantuan atau khidmat daripada kaunselor. Kaunselor sebenarnya berperanan untuk memandu murid memahami serta menerima keadaan diri sendiri supaya mereka dapat meningkatkan perlakuan yang baik dan mengurangkan perlakuan yang sebaliknya. Sehubungan dengan itu, murid tidak seharusnya menganggap bahawa mereka yang berjumpa dengan kaunselor merupakan individu yang bermasalah semata-mata. Tanggapan ini tidak benar sama sekali. Hakikatnya, apabila bertemu dengan kaunselor, murid akan dibantu untuk menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupannya seperti panduan memilih jurusan atau kerjaya yang sesuai dan bukan memberikan tumpuan terhadap masalah tertentu sahaja.

Kaunselor juga dapat membantu murid mengesan dan mengembangkan bakat dan minatnya. Hal ini penting supaya segala tindakan yang bakal dilakukan oleh murid selaras dengan apa-apa yang diinginkan agar mereka berpeluang membuat perancangan masa depan untuk mencapai matlamat hidup. Pada masa yang sama, kaunselor bertanggungjawab untuk membimbing murid memanfaatkan peluang bagi penyempurnaan sendiri. Pelaksanaan pelbagai program bimbingan dan kaunseling seperti ceramah, kursus dan kem motivasi akan membolehkan kaunselor memahami murid tentang hubungan mereka dengan masyarakat sekitar. Dalam hal ini, mereka akan dapat menyesuaikan diri dan berinteraksi secara positif dengan rakan sebaya dan jiran-jiran. Selain itu, kaunselor juga dapat memupuk nilai-nilai murni dalam diri murid melalui sesi kaunseling yang dijalankan. Penyemaian nilai-nilai ini akan meningkatkan mutu disiplin murid-murid di sekolah.

Sesungguhnya, usaha-usaha penambahbaikan perkhidmatan kaunseling wajar dilaksanakan agar khidmat yang diberikan oleh kaunselor mendapat kepercayaan murid. Sikap profesional kaunselor dalam melaksanakan tugas hendaklah menjadi keutamaan demi menaikkan imej perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

(Dipetik dan diubah suai daripada,
“Memanfaatkan Khidmat Kaunselor”
oleh Nadiah Naufal,
Dewan Siswa, April 2012)

SET 11

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat rumusan tentang **langkah-langkah melestarikan teknologi hijau dan kekangan untuk melaksanakannya**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Perubahan iklim dunia ketika ini mengakibatkan beberapa fenomena yang boleh mengancam kehidupan manusia jika tidak ditangani dengan segera. Kenaikan aras laut, lapisan ozon yang semakin menipis, pencairan bongkah ais, kejadian ribut dan gempa bumi adalah antara fenomena yang menakutkan umat sejagat. Lantaran itu, pemimpin tertinggi negara ini bersepakat memberikan komitmen dan tindakan jitu untuk bersama-sama mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau.

Di negara kita, teknologi hijau sedang berkembang penggunaannya dalam pelbagai bidang. Kerajaan sendiri memperuntukkan dana sebanyak RM1.5 bilion dalam belanjawan 2010 bagi mempromosikan penggunaan teknologi hijau. Faedah teknologi hijau ini begitu banyak seperti meningkatkan produktiviti sumber semula jadi dan populasi serta mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk merawat setiap pencemaran yang berlaku. Penggunaan teknologi hijau mampu merangsang inovasi dan perubahan cara hidup seharmonis manusia. Kerajaan turut menstruktur semula dan menambah fungsi beberapa kementerian seperti mewujudkan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Untuk memastikan adanya penyelarasan di peringkat tertinggi, kerajaan telah menubuhkan Majlis Teknologi Hijau.

Untuk membantu kerajaan melaksanakan dasar teknologi hijau, remaja ada peranan mereka sendiri. Golongan remaja sebagai pewaris negara ini hendaklah mengimplementasikan dasarteknologi hijau dalam kegiatan seharian. Remaja hari ini mempunyai tanggungjawab besar bagi menjaga bumi tercinta. Remaja mesti menghayati pendidikan mengenai teknologi hijau, khususnya tonggak dan objektif yang menjadi dasar teknologi hijau. Sebenarnya, sebahagian besar rakyat Malaysia masih belum mempunyai kesedaran yang tinggi dan mendalam tentang kepentingan menjaga alam sekitar dan penggunaan teknologi hijau. Misalnya, plastik, kaca, kertas dan sisa makanan tidak dibuangkan di dalam tong yang berasingan. Oleh hal demikian, kanak-kanak seawal usia rebung mesti dididik untuk menghargai alam semula sekitar.

Tidak ada gunanya kerajaan memperuntukkan bajet bagi mempromosikan teknologi hijau jika kita semua tidak menukar minda. Semua pihak hendaklah mempraktikkan teknologi hijau dari rumah, bermula dalam lingkungan keluarga dan rakan. Tentu ada antara kita yang pernah melihat atau

didedahkan kepada kempen pembuangan sampah. Amalan kitar semula melalui penyediaan empat tong sampah berasingan di setiap kawasan kejiranan dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat.

Tegasnya, penjagaan alam sekitar bukan tanggungjawab kerajaan. Sebaliknya, tanggungjawab dan amanah menjaga alam sekitar untuk kehidupan kini dan masa depan mesti dipikul bersama-sama. Hakikatnya, kita meminjam dunia hari ini daripada generasi masa hadapan.

(Dipetik dan diubahsuai daripada rencana
'Teknologi Hijau, Peranan Remaja Dituntut oleh
Muhamad Haffy Zikry, Dewan Siswa, Februari 2010)

SET 12

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian buat satu rumusan tentang **ciri-ciri seorang pengetua sekolah yang cemerlang dan kesan-kesan jika pengetua tidak mempunyai ciri-ciri tersebut**. Panjang rumusan anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Pengetua ialah peneraju kepada kepemimpinan sekolah. Memandangkan pengetua merupakan orang yang paling berpengaruh di sekolah, maka beliau akan menjadi role model atau idola kepada guru dan kakitangan di bawahnya. Seseorang pengetua perlu mempunyai bakat kepemimpinan yang dapat membimbing anak-anak buahnya. Kepemimpinan yang berkualiti mampu memacu kejayaan sekolah dan meningkatkan prestasi akademik murid-murid.

Pengetua perlu mempunyai kemahiran mengenal pasti isu-isu dan strategi sama ada yang berkaitan dengan akademik, bukan akademik, dan disiplin murid. Kemahiran ini perlu dimiliki oleh semua pengetua yang mahu sekolah yang dipimpennya disegani oleh masyarakat di sekitar sekolah. Seterusnya, seseorang pengetua hendaklah mempunyai motivasi yang tinggi. Mereka hendaklah sentiasa berusaha untuk memajukan kepemimpinan diri demi kemajuan sekolah misalnya menghadiri seminar, perbengkelan, dan seumpamanya. Pengetua sebagai penjana transformasi pendidikan hendaklah seorang personaliti yang mempunyai kualiti peribadi yang cemerlang. Beliau berkemampuan untuk menjelaskan visi dan misi organisasi (sekolah) kepada semua pihak terutamanya guru dan kakitangan sokongan.

Seseorang pengetua yang menjadi tunggak institusi sekolah mestilah mempunyai time frame dalam menyiapkan sesuatu program atau projek yang dirancang. Ketepatan masa amat penting kerana beliau akan memberikan teladan kepada guru, kakitangan, dan murid-murid di sekolah. Pengetua juga merupakan individu yang mengamalkan konsep pengurusan sekolah, iaitu mewujudkan suasana kerjasama antara guru dengan murid. Pengetua yang berkemampuan untuk mewujudkan suasana yang harmonis tentunya akan disanjung sekali gus menjadi model kepada orang-orang bawahan dan murid-murid.

Berfikiran terbuka juga merupakan ciri seorang pengetua yang boleh dijadikan contoh. Pengetua yang mempunyai sikap ini akan sentiasa mendengar pandangan daripada pihak lain seperti guru, ibu bapa mahupun murid. Dalam pada itu, pengetua hendaklah seorang yang tabah terutama sekali ketika menghadapi masalah atau cabaran. Blumberg dan Greenfield (1986) pula berpendapat bahawa ciri

penting yang perlu ada pada diri seorang pengetua adalah bijak dan pintar dalam bertindak serta mempunyai daya usaha yang tinggi. Pengetua hendaklah menjadi contoh dan model yang baik kepada kakitangannya. Selain itu, pengetua juga hendaklah mempamerkan sikap yang terpuji. Seterusnya, pengetua yang baik akan memberikan peluang kepada guru-guru dan kakitangannya untuk menonjolkan kepemimpinan mereka. Dalam erti kata lain, pengetua perlu bersikap profesional dan tidak berat sebelah dalam menjalankan tanggungjawabnya.

Jelaslah bahawa seseorang pengetua itu mestilah merupakan individu yang berwibawa dan berkaliber serta dapat mempamerkan kualiti kepemimpinan dan mempunyai kemahuan yang tinggi untuk memimpin. Ciri-ciri sedemikian membolehkan beliau menjadi seorang yang berpengaruh, dan seterusnya menjadi peneraju utama sekolah yang menjadi ikutan kepada orang bawahannya serta dapat melonjakkan kecemerlangan sekolah dalam semua aspek.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Pengetua
Penjana Transformasi Pendidikan Negara' oleh
Izani Hj Daud, Wadah Siswa, 2013)

SET 13

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan **tentang peranan sekolah dalam mentransformasikan pendidikan negara dan langkah-langkah untuk menggalakkan murid cinta akan sekolah**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Sekolah ialah institusi yang paling penting dalam usaha kita untuk menjayakan transformasi pendidikan negara. Aspek utama yang diambil kira dalam usaha ini antaranya adalah seperti budaya sekolah, peranan guru, disiplin murid, aktiviti kokurikulum dan aspek kepemimpinan. Perkara-perkara ini bertepatan dengan peranan sekolah untuk meningkatkan pencapaian semua murid. Perkara paling utama yang perlu dilakukan adalah untuk melahirkan golongan murid yang mempunyai minat membaca yang tinggi kerana membaca menjadikan minda murid berkembang serta mampu berfikir secara kreatif dan kritis. Selain pencapaian akademik, pencapaian dalam bidang kokurikulum juga penting kerana kejayaan dalam bidang ini juga dapat mengangkat status quo sekolah.

Bagi mencapai matlamat ini, pihak sekolah juga harus menyediakan kelengkapan fizikal yang selesa, ceria dan kondusif yang dapat menggalakkan sesi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, etika kerja cemerlang dalam kalangan warga sekolah perlu ditekankan. Hal ini dikatakan demikian kerana segala kejayaan dan kegagalan murid bergantung kepada pihak sekolah, iaitu pengetua dan guru-guru. Kepemimpinan pengetua dikenal pasti sebagai pemboleh ubah yang penting sekali dalam mempengaruhi kualiti dan kuantiti hasil sekolah walaupun proses dalaman dan persekitaran sosial sekolah juga mempengaruhi dan menyebabkan perbezaan dalam pencapaian akademik murid antara sekolah di negara kita.

Sekolah juga harus sentiasa bersedia untuk melakukan setiap perubahan yang dapat memberikan nafas baharu dalam proses pengajaran dan pembelajaran, selain banyak memberikan ruang kepada guru untuk berinovasi dalam pengajaran. Dalam masa yang sama, sekolah juga perlu berusaha untuk mengasah bakat kepemimpinan murid melalui aktiviti kokurikulum yang terbahagi kepada tiga cabang utama, iaitu unit beruniform, kelab dan persatuan. Bakat kepemimpinan ini dapat diterapkan melalui jawatan yang dipegang oleh murid-murid seperti pengerusi, setiausaha, bendahari mahupun sekadar ahli jawatankuasa.

Selain melibatkan warga sekolah, pihak sekolah juga perlu mencari jalan untuk meningkatkan kerjasama dengan ibu bapa kerana perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan akademik dan pendidikan moral perlu dilakukan bersama-sama oleh kedua-dua pihak bagi menjamin keberkesanan hasilnya. Selain itu, pihak sekolah juga boleh menggalakkan penglibatan pihak luar yang berilmu dalam aktiviti sekolah supaya usaha yang dilakukan dapat dikembangkan dari semasa ke semasa sejajar dengan keperluan dalam masyarakat dan negara. Walaupun kemungkinan besar akan menghadapi beberapa cabaran, prinsip “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing” boleh diaplikasikan oleh semua pihak.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Peranan Sekolah dalam Mentransformasikan Pendidikan Negara’
oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah,
Pelita Bahasa, Bil. 9/2014

SET 14

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian buat satu rumusan tentang **kesan-kesan negatif penggunaan Internet** dan **langkah-langkah untuk membendung penyalahgunaannya**. Panjang rumusan anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Kelebihan utama Internet berbanding dengan media lain ialah keupayaannya memberikan maklumat tanpa sekatan. Internet membolehkan masyarakat memperoleh dan menyebarkan maklumat dengan bebas. Internet bukan sahaja menjelaskan konsep demokrasi maklumat, malah dapat mengubah cara manusia berkomunikasi. Perubahan cara komunikasi inilah yang menerbitkan krisis dalam aspek keselamatan maklumat dan aspek tanggungjawab.

Sesungguhnya, pengenalan Internet menimbulkan perdebatan dalam pelbagai isu. Penyebaran bahan imperialisme yang dapat meruntuhkan nilai-nilai budaya dan moral sesuatu bangsa jelas menunjukkan bahawa Internet mudah dikaitkan dengan perkara-perkara yang mendatangkan pelbagai keburukan. Internet merupakan media yang membolehkan sesiapa sahaja menerbitkan bahan kepada masyarakat dunia dengan kos yang sangat murah. Hakikat ini telah menyebabkan kerajaan-kerajaan di seluruh dunia cuba mengawal media baru ini. Keupayaan rangkaian canggih ini menyebarkan imej digital menyebabkan Internet sering dijadikan wahana untuk menyebarkan bahan tidak bermoral secara talian terus.

Di samping itu, Internet digunakan juga untuk menyebarkan pelbagai judul buku yang diharamkan di sesetengah negara. Malah, penerbit buku di seluruh dunia mempersoalkan pelanggaran hak cipta yang banyak dilakukan dalam Internet. Selain itu, rangkaian ini juga digunakan untuk menyebarkan iklan yang mungkin tidak diterima oleh media lain, kerana iklan itu melanggar kod etika pengiklanan seperti mengeksploitasikan wanita dan menarik cita rasa kanak-kanak. Kebebasan penyebaran maklumat ini, menyebabkan Internet digunakan untuk menyebarkan fitnah dan khabar angin terhadap kerajaan atau organisasi tertentu. Internet turut menimbulkan masalah perundangan terbesar dalam undang-undang harta intelek dan kebebasan hak asasi.

Beberapa terbitan Ensiclopedia World Wide telah disebarkan melalui Internet tanpa izin pemegang hak ciptanya. Perbuatan tersebut memang menyalahi undang-undang, tetapi perkara ini telah berlaku

Disediakan Oleh: Izzat Hakim Ismail

dalam ruang siber dewasa ini. Kebimbangan terhadap Internet turut tertumpu terhadap kegiatan jenayah ekonomi dan penipuan dalam transaksi talian terus. Internet menjadikan sempadan geografi semakin tidak jelas. Internet sering mencabar amalan budaya dan moral. Menyedari hakikat ini, banyak negara berusaha mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memerangi penyalahgunaan internet.

(Dipetik dan diubah suai daripada
‘Penggunaan Internet: Kesan kepada Pengguna’ oleh Salmah Ali
Majalah Siswa, Jun 2012)

SET 15

Baca petikan berikut dengan teliti, kemudian buat rumusan tentang **langkah-langkah untuk memulihara sungai di bandar** dan **kepentingan memulihara sungai**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**

Menjijikkan! Suatu gambaran kesedihan pencinta alam sekitar apabila melihat keadaan lesu Sungai Klang dan Sungai Gombak. Keadaan sungai bukan sahaja kotor malah berbau busuk. Kedua-dua batang sungai yang mengalir di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur itu sepatutnya menjadi destinasi yang menarik untuk warga kota beriadah dan berekreasi, tetapi menjadi tempat paling memualkan kerana persekitaran sungai telah menjadi sarang penagih dadah yang menjadikan tembok Sungai Klang sebagai lokasi strategik untuk berlindung daripada pihak berkuasa. Timbunan sampah ditebing sungai pula menjadi tempat pembiakan binatang seperti tikus, lipas dan lalat. Oleh sebab itu, pihak penguat kuasa perlu kerap turun padang untuk memantau pihak yang tidak bertanggungjawab ini daripada mencemarkan sungai.

Semasa pelancaran projek River of Life, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengingatkan betapa pentingnya warga kota mengubah sikap mereka dalam memastikan kebersihan Sungai Klang dan Sungai Gombak. Ingatan tersebut disampaikan kerana pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan supaya air sungai dapat terus mengalir. Namun begitu, usaha-usaha tersebut belum mampu mengubah nasib sungai di bandar raya itu. Sehubungan dengan itu, kerajaan perlu menilai semula kempen mengubah budaya membuang sampah untuk menyedarkan warga kota. Walaupun banyak pihak berpendapat bahawa undang-undang yang sedia ada lebih daripada mencukupi untuk menjaga kelestarian sungai, namun pihak penguat kuasa perlu melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan tegas.

Program-program pemuliharaan sungai yang dilaksanakan oleh DBKL seperti program pemuliharaan Sungai Klang dan Sungai Gombak, melibatkan masa yang panjang dan kos yang tinggi. Dalam hal ini, DBKL mesti merangka suatu pendekatan proaktif yang lebih komprehensif untuk memastikan keberkesanan program yang dijalankan. Pendekatan tersebut boleh dilakukan

SET RUMUSAN BAHASA MELAYU KERTAS 1103/2 - SPM

dengan menjalankan kajian secara terperinci agar dapat dilaksanakan dengan berkesan. Untuk tujuan itu, DBKL perlu mengaktifkan program sungai angkat selain menambah baik aktiviti pemuliharaan sungai. Kejayaan memulihara Sungai Melaka sehingga menjadi destinasi pelancongan utama di Melaka boleh dicontohi. Disamping itu, para pemilik kilang hendaklah bertanggungjawab menanggung kos pemulihan sungai yang dicemari oleh aktiviti mereka sendiri. Hal ini demikian kerana mereka tiada masalah untuk membayardenda yang dikenakan setelah mengaut keuntungan yang berjuta-juta ringgit hasil daripada operasi kilang mereka.

Dalam menangani permasalahan ini juga, warga kota mesti bekerjasama bagi meminimumkan pencemaran sungai agar sungai di bandar dapat dipulihara. Hal yang demikian tidak sepatutnya menjadi penghalang kepada mereka untuk mencapai matlamat yang diinginkan kerana kebersihan sungai di Bandar melambangkan cara hidup warganya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Memulihara Sungai di Bandar'
oleh Abdul Kadir Mohd. Ayub,
Dewan Masyarakat, t. Oktober 2012

SET 16

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan **tentang langkah-langkah mewujudkan tabiat pemakanan yang sihat dalam kalangan anak dan kepentingannya**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Kecenderungan kanak-kanak untuk memilih makanan segera mewujudkan tabiat pemakanan yang tidak sihat. Lebih memburukkan keadaan, kanak-kanak terdedah dan tertarik pada iklan makanan segera berjenama terkenal yang menggiurkan pada setiap hari. Makanan ringan sangat mudah diperolehi di merata-rata tempat malahan bukan suatu yang pelik apabila premis perniagaan yang menjual makanan segera banyak dibuka di hadapan pintu pagar sekolah.

Makanan ringan ini manis, berwarna-warni dan mempunyai pek pembungkus yang menarik di samping bungkus makanan ini dimuatkan dengan hadiah mainan kecil yang cukup mengujakan, terutamanya bagi kanak-kanak yang masih kecil.

Akademik Pediatrik Amerika mencadangkan beberapa kaedah bagi menyusun atur semula jadual pemakanan dan tabiat makanan seharian anak yang sihat. Kedua-dua pihak perlu sedar akan tanggungjawab masing-masing dalam mewujudkan tabiat pemakanan yang sihat. Ibu bapa bertanggungjawab untuk menyediakan pilihan makanan berkhasiat dalam hidangan makanan utama. Di samping itu, ibu bapa perlu menentukan jenis makanan, tempat dan waktu makan untuk anak-anak mereka.

Anak pula perlu bertanggungjawab untuk memilih kuantiti makanan yang perlu dimakan. Hal ini berkemungkinan memerlukan tempoh masa yang lama tetapi tindakan ini dapat meningkatkan tahap disiplin dari aspek pemilihan makanan yang berkhasiat. Ibu bapa wajar mengamalkan tabiat pemakanan yang sihat supaya dapat diteladani oleh anak-anak. Selain itu, saranan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi Kempen Gaya Hidup Sihat menggalakkan masyarakat mengambil makanan mengikut piramid makanan dalam menu harian. Melalui amalan

ini, masyarakat lebih mudah berbincang tentang tabiat pemakanan dan jenis makanan yang baik bagi seisi keluarga.

Malahan, ibu bapa juga digalakkan untuk makan bersama-sama anak dalam tempoh yang kerap. Menu makanan yang disediakan perlu menarik, pelbagai dan segar. Jika mampu, anak boleh dibawa berjumpa pakar pemakanan atau hadir ke pusat kesihatan supaya pemeriksaan kesihatan dilakukan dan khidmat nasihat yang sewajarnya diperolehi. Nasihat doktor tentang tabiat makanan yang betul lebih dipercayai oleh anak berbanding dengan nasihat ibu bapa. Daripada perspektif agama, didikan tentang kepentingan penjagaan aspek pemakanan berdasarkan konsep bersih dan berkualiti menjadi tanggungjawab ibu bapa. Maka, ibu bapa perlu berusaha sebaik-baik mungkin supaya kaedah pemakanan dan cara hidup yang berkualiti selaras dengan agama dibudayakan.

Jika pemakanan anak tidak diselaras dan dikawal oleh ibu bapa, anak mudah menghidap penyakit kronik yang dapat memberikan kesan negatif. Oleh itu, pemilihan makanan yang tepat turut membantu seisi keluarga memiliki badan yang sihat. Ironinya, kita perlu mengambil makanan yang sihat supaya individu dan masyarakat menerima kesan positif daripada tabiat pemakanan ini. Jika masyarakat masih ingkar dan tidak mahu berubah sudah pasti jumlah pesakit penyakit kronik di negara ini akan bertambah. Ketika itu mungkin sudah terlewat untuk kita semua mengambil langkah pencegahan kerana mencegah lebih baik daripada mengubati.

SET 17

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan **tentang langkah-langkah memperkukuh tradisi hidup berjiran dan kepentingan hidup berjiran**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, tradisi hidup berjiran atau semangat kejiranan tanpa mengira perbezaan bangsa dan agama sudah bertapak sejak sekian lama. Perbezaan tersebut tidak seharusnya dijadikan sempadan untuk membina benteng daripada amalan, hidup berjiran. Namun realiti masyarakat hari ini adalah mengambil mudah berhubung semangat kejiranan. Mungkin alasan kesibukan seharian dalam mengejar karier masing-masing menyebabkan amalan kejiranan semakin dilupakan. Pacuan perkembangan teknologi pada hari ini juga menjadi penyumbang kepada kealpaan masyarakat terhadap amalan hidup berjiran. Terdapat juga jiran tetangga yang tidak berminat untuk saling mengenali sesama sendiri kerana mementingkan status, malah tidak pernah bertegur sapa kerana menganggap jiran mereka rendah darjatnya. Hal sedemikian perlu diatasi segera dengan mengamalkan amalan bertegur sapa sesama jiran seperti bertanya khabar atau bertukar-tukar pandangan supaya hubungan kejiranan yang mulia ini tidak terhakis dalam masyarakat kita. Selain itu, usaha bersepadu yang lain perlu dilakukan bagi menyuburkan kembali tradisi hidup berjiran agar dapat menjamin keharmonian dalam masyarakat kita.

Sebenarnya semangat kejiranan mampu meninggalkan kesan yang ketara terhadap kesejahteraan masyarakat. Kehidupan berjiran akan berkekalan jika setiap jiran mempunyai matlamat hidup yang sama iaitu inginkan perpaduan dan kesejahteraan. Amalan ambik peduli terhadap sesuatu keadaan atau masalah yang dihadapi jiran dapat membantu kesulitan yang dialami oleh mereka. Hal ini demikian kerana banyak masalah kejiranan dapat diselesaikan apabila masing-masing saling mengambil peduli sesama jiran. Begitu juga dalam hubungan kejiranan yang melibatkan masyarakat yang berbeza bangsa dan agama, sikap sating menghormati kepercayaan masing-masing dan mengamalkan amalan mulia seperti ikhlas, saling menghormati dan tidak bersikap iri hati akan dapat

SET RUMUSAN BAHASA MELAYU KERTAS 1103/2 - SPM

membentuk hubungan kejiiran yang utuh. Hubungan kejiiran memerlukan kita saling bertemu, jadi meluaskan masa untuk berkunjung ke rumah jiran juga dapat mengeratkan semangat hidup berjiran. Hal ini memungkinkan kita Jebih mengenali sesama sendiri. Sekurang-kurangnya berkunjunglah ke rumah jiran pada hujung minggu atau sempena hari-hari perayaan tertentu. Hubungan kejiiran yang baik adalah apabila kita sanggup mengetepikan kesenangan diri semata-mata untuk membantu jiran pada masa diperlukan. Semakin kerap kita menghulurkan bantuan semakin erat ikatan kejiiran kita seperti semasa kenduri-kendara atau pada waktu-waktu kecemasan. Seterusnya pelbagai perbezaan sesama jiran dapat disempitkan jurangnya melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan seperti program Kawasan Rukun Tetangga(KRT) yang bukan sahaja menjaga keselamatan sekitar kejiiran malah mewujudkan hubungan sosial yang positif.

Dalam konteks menjaga hubungan sesama jiran, kita bertanggungjawab untuk tidak menyakiti hati jiran, baik perkataan mahupun perbuatan. Sampah sarap tidak harus dibiarkan bersebaran dan berbau, begitu juga elakkan berbuat bisings sehingga mengganggu ketenteraman jiran terutama pada waktu malam. Jelaslah betapa pentingnya peranan jiran dalam menentukan keharmonian dan keselamatan dalam sesebuah negara. Persoalan arus kemodenan bukanlah satu alasan untuk kita mengabaikan soal kejiiran. Dalam menjalani kehidupan berjiran ini kita perlu menghayati pepatah Melayu iaitu jiran sepakat membawa berkat.

(Dipetik dan diubahsuai daripada Berbaik Sangka Erat Hubungan Jiran
Tetangga Mingguan Malaysia, Jun 2009)

SET 18

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha memupuk perpaduan dan kepentingannya**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Malaysia merupakan sebuah negara yang terkenal dengan masyarakat yang berbilang etnik dan keturunan. Semua bangsa dapat bekerjasama secara kolektif dan mengamalkan prinsip-prinsip jitu untuk perpaduan. Namun hakikatnya tahap perpaduan kita sampai di mana? Peristiwa 13 Mei memaparkan masalah perpaduan yang telah lama berakar umbi. Dalam usaha membendung masalah ini kerajaan menyedari bahawa negara memerlukan satu ideologi untuk terus bersatu.

Rukun Negara menjadi platform membimbing masyarakat ke arah perpaduan kerana tanpa perpaduan di manakah letaknya nilai jati diri kita? Bukan setakat itu sahaja, masyarakat Malaysia hendaklah mengamalkan sikap keterbukaan yang perlu disemai sejak kecil kerana amalan ini membuktikan sebarang usaha mewujudkan perpaduan kaum akan menghasilkan natijah yang berkesan. Hal ini juga menunjukkan sikap keterbukaan menjadi kunci kejayaan pergaulan dan perpaduan. Di sini, masyarakat pelbagai kaum boleh mengenali antara satu sama lain dengan lebih rapat lagi. Ibu bapajuga memainkan peranan besar dalam membentuk sikap yang mulia ini kepada anak-anak mereka. Lagipun ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi. Hal ini kerana segala yang ada padaibu bapa sebenarnya akan diwariskan kepada generasi akan datang. Oleh itu ibu bapa perlumemahami tanggungjawab mendidik anak-anak tidak terhad kepada amalan sikap keterbukaantetapi juga kepada soal adab, asuhan keagamaan dan pembentukan jati diri. Anak-anak juga perlu diterapkan dengan nilai-nilai murni yang universal.

Kerajaan telah memperkasakan sekolah kebangsaan untuk menyatukan generasi muda melalui pendidikan dan bahasa kebangsaan. Dasar Integrasi Nasional juga telah dilancarkan sebagai satu

Disediakan Oleh: Izzat Hakim Ismail

proses dinamik untuk merapatkan masyarakat negeri-negeri di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Melalui Dasar Ekonomi Baru pula, satu lagi usaha untuk mewujudkan kerjasama agar kekayaan negara dibahagikan sama rata antara kaum. Terkini, Program Latihan Khidmat Negara yang menyediakan pelbagai aktiviti yang mampu merapatkan hubungan dan menjalin perpaduan serta menambah kemesraan antara kaum.

Sikap rakyat yang sombong dan enggan bergaul terutamanya di bandar-bandar besar serta tidak prihatin terhadap isu-isu perpaduan dan menganggap isu perpaduan tidak mendatangkan sebarang faedah, akhirnya menjadikan kita semakin jauh. Selain itu, sikap tidak jujur atau tidak adil terhadap orang lain juga menimbulkan rasa tidak puas hati dan dendam yang berpanjangan. Di samping itu, sebilangan rakyat pula tidak memberi kerjasama malah membantah segala program yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Jadi kerjasama semua lapisan masyarakat amat diperlukan. Jika rakyat tidak boleh bersikap terbuka, dan sentiasa berprasangka, pasti semua yang kita banggakan terhadap diri kita sendiri sebagai satu bangsa yang bersatu padu akan musnah akhirnya. Oleh itu, demi tanah tumpah darah, kita patut dan rela berkorban bukan untuk kita semua tetapi sebagai contoh kepada generasi akan datang.

(dipetik dan diubah suai daripada
Perpaduan: Di manakah Penghujungnya,
oleh Dr Ahmad Zaharuddin Sani Sabri
Mstar Online, Februari, 2012)

SET 19

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian buat satu rumusan tentang **punca-punca mata pelajaran Pendidikan Jasmani diabaikan dan kepentingan mata pelajaran ini kepada pelajar**. Panjang rumusan anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Mengapakah negara kita menunjukkan pencapaian sukan yang merosot dari semasa ke semasa? Kita dapat memberi jawapan yang paling mudah, iaitu remaja di negara kita malas untuk melibatkan diri dalam kegiatan sukan. Kenapakah hal ini terjadi? Salah satu punca yang dikenal pasti ialah mata pelajaran Pendidikan Jasmani kurang diberi perhatian di sekolah. Jika perkara ini dibiarkan, kita tidak akan dapat melahirkan ahli sukan yang mampu mengharumkan nama negara pada suatu hari nanti. Banyak pihak yang melahirkan rasa hairan tentang punca sebilangan besar masyarakat kita kurang berminat untuk bersukan tetapi cukup gemar menjadi penonton atau peminat fanatik bagi sesuatu jenis sukan.

Akar umbi masalah ini mungkin berpunca daripada kurangnya minat murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Minat yang merudum di peringkat sekolah ini kemudian dibawa dalam kehidupan sosial. Sebenarnya mata pelajaran ini adalah wajib dalam sistem pendidikan kita. Mata pelajaran ini diajarkan dua kali seminggu di sekolah menengah dan tiga kali seminggu di sekolah rendah. Masalah mata pelajaran Pendidikan Jasmani yang sering dianggap sebagai mata pelajaran sampingan bukanlah perkara atau isu baharu. Hal ini demikian kerana terdapat guru yang mengambil waktu Pendidikan Jasmani untuk mengajarkan mata pelajaran yang berkaitan dengan peperiksaan umum.

Guru menganggap bahawa mata pelajaran peperiksaan lebih penting daripada mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Oleh itu, mereka menggunakan waktu mata pelajaran tersebut untuk

SET RUMUSAN BAHASA MELAYU KERTAS 1103/2 - SPM

menyediakan murid bagi menghadapi peperiksaan. Murid pula beranggapan bahawa mereka dapat memberi pelbagai alasan untuk mengelakkan diri daripada bersenam atau bersukan. Walaupun mereka sedar bahawa mata pelajaran ini penting bagi meningkatkan tahap kesihatan dari segi fizikal dan mental, namun sikap malas dan menganggap bahawa mata pelajaran Pendidikan Jasmani tidak penting mempengaruhi minda mereka. Tanpa kesihatan fizikal, seseorang itu akan mengalami masalah dari segi mental. Pihak pentadbiran sekolah pula sering meletakkan guru yang mengajarkan mata pelajaran Pendidikan Jasmani sebagai pencukup jumlah waktu mengajar guru. Hal ini berpunca daripada masalah kekurangan guru yang opsyen bagi mata pelajaran tersebut. Guru yang terlibat dalam mata pelajaran ini pula memandang rendah terhadap mata pelajaran ini kerana mata pelajaran ini tidak mempunyai nilai dari segi peperiksaan umum. Sistem persekolahan yang terlalu mementingkan pencapaian akademik juga turut menjadi penyumbang terhadap punca-punca mata pelajaran ini dianaktirikan. Para ibu bapa pula menganggap bahawa mata pelajaran ini banyak membuang masa kerana murid telah diwajibkan menyertai kegiatan kokurikulum yang lain pada luar waktu pembelajaran.

Jadi, cadangan Menteri Pelajaran Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein bahawa pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah akan diwajibkan menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani adalah satu langkah bagi membetulkan tanggapan ibu bapa, guru dan pelajar bahawa sebenarnya semua mata pelajaran adalah penting. Di samping itu, cadangan yang dikemukakan itu dapat dilihat sebagai usaha untuk menyedarkan pelajar tentang kepentingan pembangunan sukan dan sahsiah diri. Selain itu, usaha ini jika dilakukan dengan serius, dapat mengurangkan bilangan pelajar gemuk di sekolah. Tegasnya, mata pelajaran Pendidikan Jasmani memainkan peranan yang penting sebagai landasan untuk mencungkil bakat atlet dari peringkat sekolah sebelum meneruskan kerjaya mereka dalam bidang sukan.

SET 20

Baca petikan dan rumuskan **kesan-kesan penggunaan kad kredit dan langkah mengatasinya**. Panjang **tidak lebih 120 perkataan**.

Penggunaan kad kredit dalam kalangan masyarakat hari ini kian meningkat. Kad kredit kini dianggap sebagai barang keperluan harian sama seperti telefon bimbit. Kelonggaran syarat yang diberikan oleh kerajaan dan institusi perbankan membolehkan pengguna memiliki kad kredit dengan lebih mudah.

Kajian melaporkan bahawa lebih 3.5 juta kad kredit telah diedarkan di seluruh negara. Penggunaan kad kredit mewujudkan masyarakat tanpa tunai yang dari segi keselamatannya lebih terjamin kerana pengguna tidak perlu membawa sejumlah wang yang banyak dan berisiko dirompak, kecurian, ragut atau tercicir ketika mahu berbelanja. Pengguna juga boleh berbelanja tanpa mengeluarkan wang saku. Mereka juga boleh membeli sekaligus barang yang berharga tinggi kerana kaedah ini lebih mendapat kepercayaan daripada penjual. Bagaimanapun, pengguna masih tertakluk kepada kad kredit yang diberikan ketika memohon.

Pengguna hanya perlu menurunkan tandatangan di atas slip barangan atau perkhidmatan yang dibeli dan bayaran akan dilakukan oleh pihak bank atau syarikat kewangan sebagai pemegang akaunnya. Bayaran tidak semestinya dilangsaikan sepenuhnya seperti jumlah yang digunakan tetapi boleh dibayar secara ansuran. Pengguna terdorong berbelanja untuk mencukupkan mata ganjaran bagi mendapatkan barangan atau hadiah. Walau bagaimanapun, senario hutang tertunggak tidak boleh lari daripada penggunaan kad kredit dan jika sekali tertunggak akan mempengaruhi bayaran bulanan yang berikutnya kerana faedah akan bertambah.

Disediakan Oleh: Izzat Hakim Ismail

Statistik menunjukkan jumlah belian menggunakan kad kredit dilaporkan meningkat daripada RM 1710 juta kepada RM 2.8 billion dari tahun 1998 ke tahun 2000. Keadaan ini menunjukkan langkah kerajaan untuk melonjakkan semula pertumbuhan ekonomi telah berjaya menerusi aktiviti budaya berbelanja rakyat Malaysia. Pelbagai faedah dan pakej tertentu diperkenalkan untuk menarik pengguna memiliki kad kredit. Penggunaan "wang plastik" tanpa tunai ini mendorong seseorang berbelanja tanpa kawalan. Keadaan ini mendedahkan pemilik kepada beban hutang yang melampau malah kegagalan membayar balik boleh menyebabkan kedudukan dana institusio yang menguruskan pinjaman kad kredit turut terjejas.

Kad kredit bukanlah aset untuk menunjuk-nunjuk dan perlu digunakan hanya semasa kecemasan sahaja agar perbelanjaan dapat dikawal. Rakyat perlu berfikir dengan matang ketika menggunakan kad kredit demi masa depan mereka.

SET 21

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian buat satu rumusan tentang **langkah-langkah untuk meningkatkan penggunaan teknologi maklumat di kalangan kakitangan** kerajaan dan **kesannya**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patath perkataan**.

Kini terdapat pendedahan oleh beberapa pihak bahawa ada kakitangna kerajaan yang enggan menggunakan kemudahan teknologi maklumat di jabatan masing-masing. Perkara seumpama ini tidak harus dibiarkan berterusan dan kakitangan kerajaan yang terlibat harus memandang serius pendedahan tersebut.

Menyedari hakikat ini, kerajaan bertindak mengadakan pelbagai kempen kesedaran di kalangan kakitangan. Kesannya, sebahagian kakitangan kerajaan mulai sedar akan kepentingan teknologi maklumat dan telah berjinak-jinak menggunakan komputer. Mereka mula mengubah sikap dan menganggap penggunaan teknologi maklumat bukan lagi membebankan sebaliknya membantu mereka menghadapi cabaran dan perubahan. Sementara itu, ketua-ketua jabatan pula mula mengenal pasti kakitangan di jabatan masing-masing yang belum menguasai kemahiran komputer ini dan merangka program untuk mendekatkan mereka dengan alat-alat ini melalui pelbagai kursus.

Kita faham bahawa terdapat sebahagian kakitangan kerajaan yang tidak begitu positif pandangannya terhadap teknologi maklumat ini. Mereka lebih selesa memnggunakan alat-alat dan cara lama. Menyedari hal ini, kerajaan bertindak menggantikan peralatan lama dengan peralatan canggih dan mereka terpaksa belajar menguasainya supaya dapat melaksanakan kerja dengan mudah seperti orang lain. Di samping itu, kerajaan menggalakkan penggunaan e-mail dalam urusan pentadbiran. Urusan

SET RUMUSAN BAHASA MELAYU KERTAS 1103/2 - SPM

pendaftaran, pembayaran dan sebagainya yang dilakukan secara e-mail dapat menjimatkan masa dan kos. Tindakan ini mendorong kakitangan kerajaan memahirkannya dengan internet.

Perkara ini perlulah dipandang serius kerana keperluan teknologi maklumat dalam pentadbiran sudah banyak dan lama dihebahkan oleh kerajaan. Sesiapa yang tidak menyertainya sudah pasti akan ketinggalan. Keadaan ini akan menjejaskan keupayaan daya saing negara dan menggagalkan usaha untuk mewujudkan kerajaan elektronik. Dengan itu, tidak patut mana-mana kakitangan kerajaan ketinggalan dalam perkembangan teknologi maklumat. Bagi mengatasinya, kerajaan telah mula mengambil kakitangan baru yang mempunyai kemahiran komputer.

Kerajaan sudah melakukan pelbagai usaha besar untuk menyemai budaya teknologi maklumat. Pada peringkat negara, usaha ini merangkumi penubuhan Koridor raya Multi Media dan menggalakkan pemilikan komputer peribadi melalui kelonggaran mengeluarkan simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk tujuan tersebut. Negara sedar bahawa masa depan dunia terletak pada penguasaan maklumat, lebih-lebih lagi gagasan k-ekonomi menghendaki peningkatan keupayaan teknologi maklumat di kalangan masyarakat dan rakyat di negara ini. Selain itu, Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU) telah merangka program yang sesuai supaya kakitangan kerajaan menguasai teknologi maklumat. Sesungguhnya kemakmuran masa depan negara terletak pada keupayaan rakyatnya termasuk kakitangan kerajaan menguasai teknologi maklumat.

(Diubahsuaikan daripada Kakitangan Kerajaan Mesti Serius dengan IT, dalam Rencana Pengarang, Utusan Malaysia, 11 Disember 2000)

SET 22

Rumuskan **kaedah mengukuhkan bahasa kebangsaan sesebuah negara dan masalah yang dihadapi**. Panjang rumusan hendaklah tidak lebih 120 patah perkataan.

Setiap Negara mempunyai bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan mereka. Mereka meletakkan bahasa mereka pada kedudukan atau taraf yang tinggi. Mereka berasa amat bangga apabila mereka berjaya menggantikan bahasa penjajah dengan bahasa mereka. Kedudukan taraf sesuatu bahasa itu ditentukan oleh masyarakat dan juga kerajaan. Terdapat pelbagai cara negara di dunia ini menentukan kedudukan bahasa mereka. Bagi Malaysia, Bahasa Melayu mendapat kedudukan yang tinggi hasil daripada perjuangan rakyat. Apabila mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi pentadbiran negara. Dalam perlembagaan juga dinyatakan bahawa Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi negara. Bagi masyarakat Melayu, mereka tentulah berasa bangga kerana bahasa Melayu telah dijadikan salah satu bahasa utama negara.

Selain itu kedudukan bahasa di sesebuah negara diperkukuh melalui akta-akta yang digubal oleh kerajaan. Malaysia menggunakan Akta Pendidikan 1961, Akta Bahasa, Akta Parlimen dan sebagainya untuk menetapkan kedudukan dan fungsi bahasa Melayu di pelbagai peringkat. Di negara-negara Arab pula, mereka tidak menghadapi masalah untuk menetapkan kedudukan bahasa mereka kerana sebahagian besar penduduk di benua itu berbahasa Arab. Selain itu bahasa Arab juga berkaitan dengan bahasa keagamaan. Bagi orang Yahudi pula, bahasa Hebrew merupakan bahasa yang mulia dan masyarakat Yahudi menjadikan bahasa tersebut sebagai bahasa rasmi mereka.

Disediakan Oleh: Izzat Hakim Ismail

Di Rusia pula, kerajaan sering menukar-nukar kedudukan bahasa mereka. Oleh itu mereka sering menggunakan bahasa rasmi dan kebangsaan yang berbeza. Mereka melakukan perkara tersebut bagi mengelakkan pengaruh dari luar, terutama pengaruh negara-negara yang berhampiran dengan Asia Barat. Oleh sebab mereka mempunyai bahasa yang pelbagai, mereka sering menggunakan bahasa rasmi yang berbeza dengan sistem tulisannya yang berlainan. Sebagai contohnya, bagi tujuan penyatuan rakyat mereka pernah menggunakan bahasa Kazakstan dan Cyrillic.

Penentuan kedudukan Bahasa Melayu juga pernah dilakukan melalui Mahkamah, dan usaha ini telah berjaya. Sebagai contohnya usaha menubuhkan Universiti Merdeka yang suatu masa dahulu dibahaskan, berjaya dihalangkan oleh Mahkamah Agung. Mahkamah ini telah memutuskan bahawa penggunaan bahasa lain selain Bahasa Melayu di universiti adalah dilarang. Kes seperti ini juga berlaku di Kanada. Kes ini berlaku apabila persengketaan antara pejuang Bahasa Perancis dengan pejuang Bahasa Inggeris semakin memuncak. Apabila kes ini dibawa ke mahkamah, Mahkamah Agung Kanada membuat keputusan bahawa bahasa rasmi Kanada ada dua iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Perancis.

Di negara Filipina pula, penentuan kedudukan bahasa mereka dibuat melalui Dekri. Sebagai contohnya, mantan Presiden Filipina iaitu Ferdinand Marcos telah mengeluarkan Dekri Presiden yang menetapkan bahasa Sepanyol sebagai salah satu bahasa rasmi di Utara Filipina. Penentuan kedudukan bahasa di sesetengah negara bukanlah merupakan suatu perkara yang mudah. Masing-masing pihak menginginkan bahasa kumpulan mereka diangkat menjadi bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi. Jelaslah bahawa pelbagai masalah telah timbul apabila pihak kerajaan sesebuah negara ingin menentukan taraf atau kedudukan sesuatu bahasa tersebut.

SET 23

Baca petikan di bawah dan buat rumusan tentang **punca-punca peningkatan jenayah di kalangan remaja** serta **langkah-langkah untuk mengatasinya**. Panjang rumusan hendaklah **tidak lebih 120 patah perkataan**.

Berita kematian seorang pelajar terbunuh akibat dibuli oleh sekumpulan pelajar lain di sebuah sekolah berasrama baru-baru ini amat menyayat hati. Walaupun begitu, kita dapat membuat kesimpulan awal bahawa kadar jenayah dalam kalangan remaja di negara kita semakin meningkat. Hal ini amat membimbangkan dan merupakan satu petanda bahawa sesuatu tindakan tegas perlu dilaksanakan bagi mengekang perkara tersebut daripada terus berleluasa. Dalam hal ini, peranan semua pihak sama ada ibu bapa, pihak sekolah, masyarakat dan kerajaan perlu digembeling bersama.

Kajian yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 2006 menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar atau remaja yang terlibat dengan gejala yang tidak sihat itu dipengaruhi oleh rakan sebaya yang negatif ataupun "orang luar". Hal ini disebabkan remaja tidak dapat memilih sesuatu perbuatan itu sama ada betul atau salah. Dalam beberapa hal yang lain, masyarakat lebih mudah memperkatakan bahawa kesilapan ini adalah disebabkan oleh kurangnya peranan ibu bapa dan pihak sekolah untuk memberi didikan agama serta moral kepada golongan remaja. Sama ada benar atau tidak, hal ini memang saling berkait rapat.

SET RUMUSAN BAHASA MELAYU KERTAS 1103/2 - SPM

Selain itu, pembabitan remaja dalam kejadian itu turut dikaitkan dengan sikap ibu bapa. Ramai ibu bapa yang terlalu mengutamakan kerjaya serta wang ringgit tanpa mengambil kira kepentingan keluarga. Keperluan harta benda yang semakin meningkat menyebabkan ibu bapa melupai tugas mereka sebagai penjaga kepada anak-anak mereka. Anak-anak yang kesunyian dan kebosanan akan mudah terpengaruh dengan gejala yang tidak sihat apatah lagi jika mereka tidak memiliki didikan agama yang sempurna. Ibu bapa juga kurang memberi perhatian kepada perbuatan anak-anak yang kerap melayari internet atau media masa yang lain. Masalah yang timbul ialah ada media tersebut mempengaruhi remaja dengan unsur-unsur negatif yang terdapat di dalamnya.

Menurut pegawai khas UNESCO pula, kemungkinan besar jenayah dalam kalangan remaja di Asia adalah berkait rapat dengan kadar kemiskinan yang tinggi dalam kalangan keluarga remaja. Kemiskinan menyebabkan remaja terbeban dan kerap mengakibatkan mereka terjebak dalam situasi yang tidak sihat. Beliau turut menambah bahawa situasi ini akan bertambah buruk sekiranya keadaan keluarga remaja tersebut tidak aman. Keadaan keluarga yang berpecah-belah seperti pertengkaran ibu bapa atau perceraian mampu meningkatkan kadar jenayah kepada golongan ini. Walaupun begitu, apa-apa jua pendapat yang diberi oleh semua pihak, kesannya tetap membimbangkan kita. Proses pengajaran dan pembelajaran di sesebuah institusi pendidikan bakal terjejas malah perkara yang lebih membimbangkan kita ialah negara bakal kehilangan tenaga muda serta pemimpin masa depan yang berkualiti. Justeru, hal ini tidak boleh dipandang ringan atau dipandang dengan sebelah mata.

SET 24

Baca petikan dan buat satu rumusan tentang **faedah pengiklanan di media masa** dan **masalah yang timbul**. Panjang rumusan mestilah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Kini, pengiklanan merupakan keperluan biasa dalam bidang mempromosikan sebarang jenis pengeluaran. Setiap masa dan di mana-mana sahaja, pengiklanan sudah menjadi satu trend yang memperlihatkan kepentingan yang tidak dapat disingkirkan dalam aspek kehidupan masyarakat. Jelasnya, pengiklanan dapat membantu pihak pengeluar untuk melariskan hasil keluaran mereka kepada orang ramai. Secara tidak langsung, penggunaan pengiklanan di media masa tersebut turut dapat mengurangkan kos mempromosikan barang-barang keluaran seseorang. Hal ini bermula sejak dahulu lagi iaitu apabila media masa mula berkembang pesat dan kepentingannya diakui oleh masyarakat di seluruh dunia.

Antara media masa yang menjadi tumpuan pengeluar untuk mempromosikan barangan keluaran mereka ialah televisyen dan akhbar tempatan. Hal ini disebabkan media tersebut mendapat liputan yang lebih meluas berbanding dengan media masa yang lain. Seperkara yang menarik, pengiklanan yang dibuat di media ini membolehkan sesuatu barangan dikenali oleh orang ramai di seluruh negara. Pada masa yang sama keadah pengiklanan ini membolehkan para pengguna membuat penelitian awal sebelum sesuatu pembelian dibuat. Dengan itu, pengiklanan dapat membantu orang ramai agar

mereka dapat membeli sesuatu keluaran yang paling baik ataupun paling sesuai dengan kehendak serta keperluan mereka.

Tidak menghairankan jika kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa hampir 80 peratus pengeluar barangan di negara kita menggunakan kaedah pengiklanan di media masa untuk melariskan jualan mereka. Hal ini berkait rapat dengan keperluan pengguna bahawa mereka boleh membuat perbandingan dan meneliti kandungan sesuatu barangan dengan baik. Melalui kajian yang dijalankan, pembelian melalui iklan di media masa juga memberi kepuasan yang lebih tinggi kepada pembeli, berbanding dengan pengguna yang membeli tanpa merujuk pada iklan terlebih dahulu. Sementara itu, bagi pihak media pula mereka dapat meningkatkan pendapatan berasaskan iklan yang disiarkan oleh media mereka. Hal ini akan dapat membolehkan hasil pendapatan syarikat media berterusan dan operasi syarikat media berjalan lancar.

Selain itu, memandangkan keperluan syarikat media seperti televisyen untuk mengadakan siaran langsung semakin meningkat, penyertaan syarikat pengeluar dalam urusan pengiklanan adalah amat diperlukan. Dengan adanya pendapatan yang diperolehi daripada pengiklan, sesuatu siaran langsung akan dapat dilaksanakan. Sebagai contohnya, siaran langsung berkaitan dengan sukan pada peringkat tempatan atau pada peringkat antarabangsa, kerap mendapat bantuan kewangan melalui pengiklanan oleh syarikat besar seperti Milo, Adidas dan sebagainya. Pada masa yang sama, syarikat pengiklanan tumbuh seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Secara tidak langsung, hal ini akan menyediakan peluang pekerjaan kepada orang ramai khusus sebagai pelakon dan penyampai iklan.

SET 25

Baca petikan di bawah dan buat satu rumusan tentang **kesan pembangunan sektor perindustrian di Malaysia** dan **langkah mengatasinya**. Gunakan ayat anda sendiri dan **jangan lebih 120 patah perkataan**.

Penekanan kerajaan dalam usaha membangunkan sektor perindustrian adalah disebabkan oleh daya saing yang berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi. Usaha kerajaan membangunkan bidang perindustrian di samping melakukan penyelidikan dan pembangunan yang lebih giat membolehkan sektor perindustrian memperbaiki keluaran yang sedia ada di samping memperkenalkan produk baru yang lebih berdaya saing dalam pasaran.

Kerajaan berusaha memperkukuh asas sektor pembuatan dengan membangunkan kelompok industri teguh, dan memperkukuh perkhidmatan yang berkaitan dengan pembuatan. Bagi mencapai tujuan itu kerajaan telah menyediakan insentif bagi meningkatkan bidang perindustrian di Malaysia.

Perkembangan sektor perindustrian tidak dapat mengelakkan masalah pencemaran alam sekitar yang disebabkan oleh pembuangan sisa-sisa kilang secara tidak terkawal daripada berlaku. Hakisan tanah dan juga banjir kilat berlaku akibat pembukaan tanah untuk tujuan perindustrian. Kesihatan penduduk

SET RUMUSAN BAHASA MELAYU KERTAS 1103/2 - SPM

setempat turut terancam akibat pencemaran udara. Sisa toksid turut dibuang ke dalam sungai daripada kilang perindustrian, ladang dan kebun, makmal, hospital dan sebagainya.

Pelbagai langkah dijalankan untuk mengelakkan fenomena seperti ini daripada terus berlaku. Antaranya dengan mengadakan sistem pembuangan sisa kilang dan sampah yang sistematik serta selamat. Pihak berkuasa juga harus mengenakan hukuman berat kepada pengusaha kilang yang membuang sampah atau sisa toksid yang berbahaya. Pengusaha kilang digalakkan agar memasang alat penapis bahan kimia sebelum melepaskan asap ke atmosfera. Kawasan pelupusan sampah yang diselia dengan rapi oleh pihak berkuasa tempatan atau pihak swasta harus segera disediakan. Pendidikan dan kempen "Cintai Alam Sekitar" di sekolah atau di media massa bagi menyedarkan orang ramai akan bahaya pencemaran alam sekitar harus diadakan dengan lebih kerap.

SET 26

Baca petikan di bawah dan rumuskan **masalah perkembangan sistem jalan raya di negara kita** dan **langkah mengatasinya**. Panjang ringkasan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Gunakan ayat anda sendiri.

Sistem jalan raya di negara kita semakin baik dari setahun ke setahun. Perkembangan jalan raya di negara kita bermula sejak kedatangan British ke Tanah Melayu iaitu bagi memudahkan pihak pemerintah membawa keluar hasil ekonomi negara. Antara hasil tersebut termasuklah bijih timah dan getah yang menjadi keperluan utama penjajah ke Malaysia. Revolusi perindustrian di Eropah menggalakkan negara tersebut merantau jauh bagi mencari bahan untuk perkembangan industri mereka.

Menjelang sekitar tahun 1970-an, perkembangan sistem jalan raya di negara kita bertambah maju apabila beberapa batang lebuhraya utama dibina. Tujuan pembinaan lebuhraya tersebut adalah bagi menampung kekurangan sistem pengangkutan negara. Sebagai contohnya, kerajaan telah

menswastakan Lebuhraya Utara Selatan dan Lebuhraya Karak. Hal ini telah memudahkan orang ramai di samping mengurangkan beban kewangan kerajaan.

Sama juga dengan jalan kereta api di Malaysia, pembinaan jalan raya menyebabkan pelbagai fenomena alam sekitar akibat penebangan hutan dan jumlah kenderaan yang semakin bertambah. Banyak kawasan hutan diterokai untuk dimajukan dengan sistem jalan raya. Kesannya berlakulah tanah runtuh dan meningkatkan kadar hakisan. Jumlah asap yang dikeluarkan oleh kenderaan juga secara langsung menggalakkan berlakunya pencemaran udara di negara kita.

Memandangkan kebanyakan pengguna di Malaysia kurang bertanggungjawab, pembinaan jalan raya tersebut mengundang kepada pelbagai masalah. Masalah paling serius ialah kadar kemalangan jalan raya yang semakin meningkat dari semasa ke semasa. Banyak sudah langkah dilaksanakan oleh kerajaan tetapi jalan raya masih menjadi tempat yang kerap berlakunya kematian umum.

Kita masih mampu berbangga kerana jalan raya di negara kita adalah antara yang terbaik di Asia. Langkah meningkat mutu sistem jalan raya sering dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk kemudahan orang ramai. Antara usaha tersebut termasuklah memperbaiki kerosakan, menanam rumput di tebing jalan raya serta menambahbaikkan kemudahan rehat dan rekreasi di seluruh jalan raya di negara kita.

SET 27

Baca petikan di bawah dan buat satu rumusan tentang **faktor-faktor yang menyebabkan penghijrahan dari luar bandar ke bandar** dan **kesan-kesannya**. Panjang rumusan mestilah **tidak lebih 120 patah perkataan**.

Penghijrahan bermaksud perpindahan penduduk dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Biasanya, golongan yang selalu berpindah ialah orang-orang muda atau remaja yang baru tamat persekolahan. Kebanyakan remaja berpindah dari kawasan luar bandar atau kampung menuju ke bandar besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Johor Bahru dan lain-lain.

Sebab atau faktor utama mereka berhijrah ke bandar adalah disebabkan untuk mencari pekerjaan yang lebih baik. Sektor pertanian di luar bandar iaitu pertanian tidak menggalakkan remaja menceburi bidang ini. Remaja lebih tertarik pada sektor industri atau perkilangan yang banyak terdapat di bandar-bandar. Penghijrahan mereka ke bandar-bandar juga disebabkan ingin mencari

SET RUMUSAN BAHASA MELAYU KERTAS 1103/2 - SPM

pendapatan yang lebih tinggi berbanding dengan pendapatan yang boleh didapati di luar bandar. Justeru, faktor tarikan ini telah menggalakkan lebih banyak penghijrahan jenis ini berlaku.

Bagi golongan dewasa, kebanyakan mereka berpindah keluar dari kawasan luar bandar adalah bagi meningkatkan taraf hidup masing-masing. Peluang pekerjaan yang terhad biasanya menyebabkan pendapatan mereka rendah. Hal seperti ini mengakibatkan berlakunya masalah pengangguran dan kadar kemiskinan yang tinggi di kawasan tersebut. Bagi golongan pekerja pula, penghijrahan mereka ke bandar selalunya disebabkan oleh arahan untuk bertukar tempat kerja oleh majikan. Perpindahan seperti ini selalunya berlaku di kalangan pekerja awam seperti polis, guru, pegawai kerajaan dan lain-lain.

Memandangkan kawasan luar bandar masih kekurangan kemudahan awam seperti pusat pendidikan tinggi, sebahagian penduduk dari kawasan ini berhijrah ke bandar untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat yang lebih tinggi. Dasar awal kerajaan yang menempatkan universiti di bandar-bandar besar seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan sebagainya, telah menggalakkan perpindahan jenis ini berlaku. Bagi generasi kedua pula, mereka turut berpindah ke kawasan bandar sama ada disebabkan oleh perkahwinan atau mengikut keluarga yang berpindah. Fenomena seperti banyak berlaku di kebanyakan negara-negara sedang membangun seperti Malaysia dan Indonesia.

SET 28

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan **sebab-sebab berlakunya pencabulan bahasa kebangsaan** dan **usaha-usaha memperkasakannya**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Sejak berabad-abad dahulu, bahasa Melayu atau bahasa Malaysia telah berkembang dan menggunakan istilah asing untuk memperkaya kosa katanya. Malah sebelum era penjajahan, bahasa Malaysia telah meminjam istilah daripada bahasa Sanskrit dan bahasa Arab. Perkembangan ini lebih ketara apabila kita memasuki zaman teknologi maklumat. Dari sudut peminjaman bahasa, kini kedudukan bahasa Malaysia agak kritikal kerana sebahagian daripada bahasa asing sudah menodai kemurniannya. Kini semakin banyak premis perniagaan dan swasta tidak peka terhadap penggunaan bahasa kebangsaan yang betul.

Disediakan Oleh: Izzat Hakim Ismail

Kebanyakan istilah dan kata yang dipaparkan di premis tersebut menggunakan bahasa rojak. Perbuatan ini memperlihatkan sikap tidak peka terhadap usaha untuk memertabatkan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan. Selain suasana di atas, kita mendapati masih banyak papan tanda iklan yang menggunakan bahasa asing atau bahasa kacukan. Tindakan tidak bertanggungjawab ini sedikit demi sedikit mengikis dan melunturkan keistimewaan bahasa Malaysia sebagai bahasa sanjungan rakyat negara ini. Sementara itu, pihak media pula menyiarkan iklan yang mencampuradukkan penggunaan bahasa Malaysia dengan bahasa Inggeris. Hal seperti ini akan mengelirukan golongan kanak-kanak dan remaja sama ada sesuatu kata itu berasal daripada bahasa ibunda mereka atau celupan bahasa asing.

Kesalahan penggunaan bahasa Malaysia dapat dilihat dengan ketara menerusi khidmat pesanan ringkas yang mediumnya ialah telefon bimbit dan ruangan sembang siber di internet. Menerusinya, singkatan kata, lambang, angka atau kod tertentu telah digunakan untuk menggantikan maksud sebenar lambang tulisan. Makalah dalam majalah pun tidak mengendahkan kemurnian bahasa Malaysia malah turut dirojakkan bahasanya secara sesuka hati. Selain itu, penggunaan bahasa rojak juga telah digunakan secara meluas dalam akhbar dan majalah. Penggunaannya telah tersebar ke dalam lubuk hati rakyat. Bukan setakat itu sahaja, bahkan tajuk cerita dan drama, serta nama kumpulan muzik menggunakan bahasa Inggeris juga. Dengan itu, jelaslah bahawa wujud kalangan yang sengaja memperlekehkan bahasa sendiri atau masih menganggap bahasa Malaysia tidak global sifatnya. Sikap ini ada kaitannya dengan amalan pemujaan bahasa Inggeris sebagai bahasa teknologi dan boleh membawa kemajuan kepada penggunaannya.

Pada masa ini, sebahagian daripada kita masih beranggapan bahawa tiada undang-undang yang boleh diguna pakai secara berkesan bagi menyekat kegiatan penyangak bahasa ini. Selain itu, bahasa Malaysia turut hilang sebahagian daripada daya tahan apabila ada pihak yang beranggapan bahawa bahasa Malaysia hanya milik orang Melayu. Anggapan seperti ini tidak dapat membantu dalam kemajuan bahasa Malaysia sebagai bahasa Kebangsaan yang menjadi lambang penyatuan rakyat negara ini.

SET 29

Baca petikan yang diberi di bawah, kemudian buat satu rumusan tentang **faedah-faedah menyertai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)** dan **langkah memperbaiki program ini**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2002. Pada setiap tahun, program ini dilaksanakan sebanyak dua kali bagi membolehkan lebih ramai remaja menyertainya. Golongan remaja yang diwajibkan untuk menyertai program PLKN ini adalah terdiri daripada lepasan sekolah iaitu sebaik sahaja mereka menamatkan peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia. Dengan menyertai PLKN ini, para peserta akan dapat mengisi masa lapang mereka dengan berfaedah sambil menunggu keputusan peperiksaan. Dengan masa lapang yang sentiasa terisi, remaja

SET RUMUSAN BAHASA MELAYU KERTAS 1103/2 - SPM

akan terhindar daripada melakukan jenayah yang tidak berfaedah seperti menyertai perlumbaan motosikal haram, menyalahgunakan dadah, menyertai kumpulan haram dan sebagainya.

Peserta PLKN adalah terdiri daripada remaja pelbagai kaum. Di kem-kem PLKN, remaja tersebut yang terdiri daripada remaja Melayu, Cina dan India ditempatkan di dalam satu kawasan yang sama. Oleh itu penyertaan mereka dalam PLKN dapat menyemai semangat perpaduan di antara pelbagai kaum. Semangat perpaduan ini amat penting bagi membentuk Malaysia yang aman dan harmoni. Penyertaan mereka dalam PLKN juga menggalakkan mereka untuk belajar berdikari tanpa mengharapkan pertolongan daripada orang lain. Sebagai contohnya, mereka dikehendaki untuk mengemas dan mencuci pakaian mereka sendiri ketika berjauhan daripada keluarga. Hal seperti ini mungkin tidak akan berlaku sekiranya golongan remaja tidak didedahkan dengan program PLKN.

Semasa berada di kem latihan, pelbagai aktiviti menarik disediakan untuk golongan remaja tersebut. Antaranya termasuklah ceramah, motivasi, latihan ketenteraan dan sebagainya. Dengan cara ini, penyertaan mereka akan dapat menanamkan semangat cinta akan negara kita. Program yang diatur dikendalikan oleh jurulatih yang terdiri daripada pakar-pakar alam bidang ketenteraan dan kepolisian. Oleh itu, tidak hairanlah apabila sebahagian besar peserta yang ditemui menjelaskan bahawa penyertaan mereka telah dapat meningkatkan semangat keyakinan dan jati diri yang tinggi dalam diri mereka. Semangat seperti inilah yang perlu sentiasa ada dan disemai dalam jiwa setiap remaja di negara kita. Hal ini adalah amat penting memandangkan golongan remaja inilah yang bakal menjadi pemimpin negara pada masa hadapan.

Selain itu, program PLKN juga disertai oleh golongan remaja dari seluruh pelosok negara. Peserta dari Perlis hinggalah Sabah dan Sarawak ditempatkan di dalam beberapa buah kem latihan di seluruh negara. Dengan cara ini para peserta yang menyertai program PLKN akan dapat mengenali di antara satu dengan yang lain di samping dapat mempelajari pelbagai budaya yang menarik. Hal seperti ini tidak mungkin dapat dirasai sekiranya remaja tidak menyertai program PLKN sehingga ada golongan remaja yang bersikap seperti “katak di bawah tempurung”. Dalam masa yang sama juga, para peserta akan dapat mencari rakan-rakan yang baru dari seluruh negara bagi bertukar-tukar pendapat. Mereka dapat berbincang mengenai perkara yang berkaitan dengan pelajaran mahupun tentang isu-isu semasa.

Memandangkan penyertaan remaja dalam program PLKN memberi pelbagai faedah, maka golongan remaja tidak harus melepaskan peluang ini. Justeru, ibu bapa pula tidak harus berasa bimbang ketika anak-anak mereka mengikuti program ini kerana keselamatan mereka adalah terjamin. Mereka sentiasa dikawal selia dan dijaga dengan baik oleh jurulatih yang sentiasa komited dengan tugas dan tanggungjawab mereka.

SET 30

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian buat satu rumusan tentang **punca remaja bersikap liar dan langkah menanganinya**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 perkataan**.

Alam remaja penuh dengan pancaroba. Pelbagai perkara yang baik dan buruk sering melingkungi hidup mereka. Di negara kita kini, masalah remaja liar mungkin belum dianggap begitu serius, namun kebanyakan kes remaja liar atau kes jenayah dalam kalangan remaja biasanya dikaitkan dengan penagihan dadah.

Disediakan Oleh: Izzat Hakim Ismail

Kes kecurian sepatu di masjid atau di rumah-rumah pangsa sudah dianggap kejadian biasa dan bukan sebagai satu keanehan lagi. Sudah diketahui umum bahawa kebanyakan jenayah kecil seperti ini adalah perbuatan penagih dadah yang gian dan tiada wang untuk membeli dadah. Justeru, golongan ini sanggup mencuri dan barang curi tersebut dijual di pasar malam.

Ternyata dadah antara punca gejala sosial yang melibatkan para remaja. Oleh itu, jika masalah dadah dapat diatasi, secara tidak langsung kebanyakan masalah remaja liar mungkin turut dapat diatasi.

Masalah remaja nakal biasanya berpunca daripada ketiadaan didikan moral atau agama. Kepincangan ini kian ketara akhir-akhir ini kerana hubungan ibu bapa kian renggang dengan anak-anak mereka. Ibu bapa sibuk dengan urusan masing-masing sehingga mengabaikan tanggungjawab terhadap tanggungan mereka.

Para ibu yang dulu berperanan sebagai suri rumah dan pengasuh anak sepenuh masa kini, lebih ramai yang keluar meninggalkan rumah untuk bekerja. Oleh itu, anak-anak yang sudah remaja biasanya berasa kesunyian di rumah. Menjelang petang mereka mencari kawan untuk bersembang atau bermain bola atau sebagainya. Pengaruh kawan mudah menyeret mereka ke lubang dadah, menjadi kutu rayau atau terlibat dengan vandalisme.

Tanpa disiplin di rumah dan tanpa didikan agama atau akhlak, golongan remaja hari ini lebih terdedah pada dorongan nafsu sendiri hingga menjadi perogol atau penjenayah. Ternyata disiplin berkala dalam program sekolah sahaja belum berjaya meninggalkan kesan yang mendalam, kecuali disiplin sepenuh masa yang biasanya diadakan di sekolah agama.

Paling membimbangkan akhir-akhir ini golongan remaja muslim semakin terdedah kepada pengaruh luaran yang berbau politik atau bersifat anti akhlak, anti disiplin dan anti undang-undang. Media massa juga dikatakan menjadi punca remaja bersikap liar kerana mereka terpengaruh dengan adegan negatif yang dipaparkan. Ibu bapa pula tidak mampu untuk menyekat anak-anak mereka daripada menonton apa-apa rancangan yang disiarkan di kaca televisyen.

SET 31

Baca petikan yang diberi di bawah, kemudian buat satu rumusan tentang **faktor-faktor yang menyebabkan Malaysia menjadi tumpuan pekerja asing dan kesan-kesannya**. Panjang rumusan **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Kebanyakan media menganggarkan jumlah pekerja asing di negara kita telah melebihi dua juta orang. Daripada jumlah tersebut, sebahagian besarnya pula adalah bertumpu di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Johor Bahru. Kebanyakan daripada mereka adalah pendatang asing yang datang dari negara jiran seperti Indonesia, Myanmar, Bangladesh dan Nepal. Tumpuan mereka adalah dalam sektor pembinaan, perindustrian, perladangan dan pembantu rumah. Kedatangan golongan ini

SET RUMUSAN BAHASA MELAYU KERTAS 1103/2 - SPM

sedikit sebanyak telah memberi kesan negatif khususnya dalam segi pekerjaan penduduk tempatan dan pembangunan negara. Sebab utama mereka bertumpu ke negara kita adalah untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih baik berbanding dengan di negara asal mereka.

Selain itu, matlamat utama mereka bertumpu ke Malaysia adalah disebabkan banyak pekerjaan yang terdapat di sini memberi pendapatan yang tinggi. Rata-rata golongan ini mampu memperoleh pendapatan sehingga ribuan ringgit sebulan. Darpada jumlah tersebut, sebahagian besarnya akan dikirirkan kepada keluarga mereka yang menetap di negara asal. Ini ditambah pula dengan keadaan negara kita yang aman dan makmur, telah menggalakkan mereka bertumpu ke Malaysia. Hal ini amat berbeza sekali dengan keadaan di negara asal mereka seperti Indonesia, Bangladesh dan Nepal yang kerap berlaku pergolakan politik dan peperangan. Justeru, walaupun banyak usaha yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia untuk mengekang kebanjiran pendatang asing ini, namun jumlah mereka semakin bertambah.

Selain faktor di atas, kebanjiran penatang asing di negara kita turut disebabkan oleh permintaan yang tinggi terhadap buruh asing dari luar negeri oleh majikan di Malaysia. Hal ini kerana pendatang asing sanggup menerima upah yang lebih rendah berbanding dengan buruh tempatan. Keadaan ini ditambah pula oleh sikap pekerja tempatan yang lebih gemar memilih pekerjaan dengan gaji yang tinggi. Lebih menyulitkan keadaan, ada pihak di negara kita yang memberi perlindungan kepada pekerja asing sehingga menggalakkan mereka bertumpu di Malaysia. Ini menyebabkan pendatang asing berasa selamat bekerja di sini walaupun sebahagiannya tidak memiliki permit. Sikap negatif penduduk tempatan ini telah banyak menyebabkan operasi membanteras pekerja asing tanpa permit menemui kegagalan.

Memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang dikelilingi oleh lautan, keadaan pantainya yang terlalu luas menyebabkan kawalan daripada pihak berkuasa menjadi terhad. Sebagai contohnya, sepanjang pantai barat Semenanjung Malaysia menjadi kawasan pendaratan pekerja asing tanpa permit untuk bekerja di Malaysia. Tambah merumitkan keadaan, jabatan yang ditugaskan untuk mengawal kebanjiran pekerja asing itu masih mengalami kekurangan penguatkuasa bagi menjalankan rondaan dan serbuan. Situasi ini telah menyebabkan ramai pekerja asing yang memasuki negara kita secara tidak sah, bebas tanpa berjaya dikesan. Kebanyakan rondaan yang dilakukan gagal menemui pekerja asing tersebut yang sebahagian besarnya menjadikan Selat Melaka sebagai laluan yang selamat untuk ke negara kita.

Oleh sebab jumlah mereka yang terlalu ramai telah memberi kesan yang amat parah, penguatkuasaan perlulah lebih kerap dilakukan. Untuk tujuan tersebut, kerajaan turut menggunakan tenaga RELA bagi menjalankan rondaan dan tangkapan terhadap pekerja asing tanpa permit. Mereka yang ditangkap akan ditempatkan di pusat-pusat tahanan sebelum didakwa dan dihantar pulang ke negara asal mereka. Usaha ini bukan sahaja memerlukan kos yang tinggi malah merugikan negara.

SET 32

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian tulis satu rumusan tentang **langkah-langkah kerajaan meringankan beban rakyat dalam menghadapi kegawatan ekonomi dan kesan-kesan pemulihan ekonomi kepada rakyat**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Usaha membasmi kemiskinan tegar menjadi agenda utama kerajaan menjelang 2010. Bagi meringankan beban rakyat, usaha diambil dengan memperuntukkan RM214 juta bagi pelaksanaan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat untuk tujuan pembasmian kemiskinan. Langkah ini juga

Disediakan Oleh: Izzat Hakim Ismail

akan memastikan agenda masyarakat penyayang terus diamalkan walaupun dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Kerajaan dalam usaha meringankan beban rakyat telah memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi pertama khusus untuk meningkatkan pemilikan rumah oleh rakyat. Oleh itu, bagi merangsang sektor perumahan kerajaan mencadangkan supaya pembeli diberi pelepasan cukai atas faedah pinjaman. Kerajaan juga telah membantu rakyat dengan menambah baik infrastruktur awam. Dalam hal ini, kerajaan telah menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta untuk menambah baik infrastruktur yang rosak serta menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian, menyelenggara dan membaiki pulih pelbagai kemudahan dan prasarana awam. Bon Simpanan Kerajaan telah diterbitkan untuk menjanakan pendapatan rakyat. Bon ini bertujuan memberi peluang kepada rakyat untuk memperoleh pendapatan tambahan. Bon ini dibuka kepada setiap rakyat berusia 21 tahun ke atas dengan nilai minimum pelaburan sebanyak RM1,000.

Selain itu, kerajaan menaik taraf pelbagai kemudahan asas di luar bandar seperti bekalan elektrik dan air terutama di Sabah dan Sarawak. Usaha ini akan meningkatkan ekonomi rakyat melalui pengambilan kontraktor kecil dan pekerja tempatan di kawasan luar bandar. Di samping itu, pelbagai program dan projek dirancang oleh kerajaan untuk meningkatkan ekonomi rakyat di Sabah dan Sarawak seperti pembesaran Lapangan Terbang Sibn, Sarawak dan Projek Sistem Penghantaran Elektrik Kota Kinabalu, Sabah.

Kini, terdapat beberapa program mikro kredit tanpa cagaran disediakan oleh pelbagai pihak seperti Amanah Ikhtiar Malaysia, AgroBank dan TEKUN. Program ini bertujuan untuk membantu peniaga kecil di bandar dan luar bandar. Kaedah lain yang dilaksanakan adalah dengan memberi bantuan kepada golongan kurang bernasib baik seperti warga emas, golongan kurang upaya dan ibu tunggal. Bantuan yang diberikan adalah seperti program jaringan keselamatan sosial, bantuan kewangan dan bilangan tenaga kerja, meningkatkan kemudahan pusat penjagaan warga tua, memantapkan pengurusan rumah perlindungan wanita dan menambahkan kemudahan pusat asuhan kanak-kanak.

Bagi mengurangkan tanggungan orang ramai, kerajaan mengambil langkah pengecualian cukai yang diberikan atas bayaran pampasan kehilangan pekerjaan. Langkah ini diambil bertujuan untuk menjaga kebajikan pekerja yang diberhentikan. Di samping itu, kerajaan menggalakkan pihak bank untuk menanggungkan bayaran balik pinjaman perumahan.

Kesimpulannya, kerajaan yakin usaha yang dirangka dan dilaksanakan adalah komprehensif dan menyeluruh untuk menghindarkan ekonomi negara daripada terjerumus dalam kancan kemelesetan yang mendalam sehingga memberi kesan kepada rakyatnya. Dengan landasan kukuh yang telah kita bina, kita yakin dapat mencipta kejayaan lebih besar

SET 33

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian buat satu rumusan tentang **peranan pusat sumber sekolah dan sebab-sebab pusat sumber sekolah kurang dikunjungi**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Sejak dahulu lagi sesebuah sekolah dianggap tidak lengkap jika tidak mempunyai satu perpustakaan. Perpustakaan itu pula dianggap sebagai gedung ilmu dan sumber pengetahuan. Hal ini bermakna, kalau sebelum ini perpustakaan merupakan pusat pengumpulan bahan bercetak dan bilik alat

SET RUMUSAN BAHASA MELAYU KERTAS 1103/2 - SPM

merupakan tempat pengumpulan bahan-bahan alat pandang dengar, sekarang kedua-dua tempat ini diintegrasikan untuk menjadi pusat sumber sekolah.

Pusat sumber sekolah berfungsi sebagai pusat untuk menyediakan, menyimpan, mengedarkan, dan memberi perkhidmatan koleksi bahan. Sama ada bersaiz sekadar sebuah bilik darjah ataupun berdiri megah berbentuk bangunan sendiri, pusat sumber sekolah berpotensi besar dalam meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dan tahap intelektual warga sekolah, khususnya murid. Usaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu yang menjadi satu daripada fokus tahunan pusat sumber sekolah. Pusat sumber sekolah dapat mengadakan kolaborasi dengan Panitia Bahasa Melayu dalam program peningkatan akademik.

Pusat sumber sekolah juga merupakan tempat berlakunya segala kegiatan yang bertujuan untuk meningkatkan pencapaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Konsep pusat sumber sekolah ini adalah berkaitan dengan konsep pendidikan moden, iaitu untuk mewujudkan keadaan belajar secara sendiri. Dengan yang demikian, setiap individu boleh menentukan kehendak pelajarnya dan merancang sesuatu bagi memupuk keperluan dan kehendak yang tersendiri. Pusat sumber sekolah sememangnya dapat membantu dan membaiki kualiti pendidikan negara agar dapat memberikan asas yang kukuh bagi membentuk masyarakat berpengetahuan. Oleh itu, golongan pendidik sentiasa diingatkan supaya menghasilkan pengajaran yang berkesan.

Pada masa yang sama, pusat sumber sekolah perlu dilengkapi dengan alat bahan, dan kemudahan. Pusat sumber yang lengkap dan menepati kehendak pelanggannya membolehkan proses capaian maklumat dilaksanakan dengan berkesan. Antaranya termasuk penyediaan keratan akhbar dan koleksi rencana daripada majalah. Selain itu, pusat sumber sekolah mampu menghasilkan bahan-bahan yang mudah dan murah, tetapi berkesan kepada pelanggannya. Jadi, pusat sumber sekolah disediakan bertujuan untuk memajukan sumber pelbagai media bagi kegunaan guru dan pelajar.

Tegasnya, dapatlah dikatakan bahawa peranan pusat sumber sekolah sangat luas. Di samping memupuk minat gemar membaca dan membuat penyelidikan, diharapkan apabila pelajar dapat memanfaatkan pusat sumber sekolah, mereka akan dapat menjadi pelajar yang berdedikasi, berfikiran matang, berdisiplin, dan dapat mengembangkan bakat, serta kebolehan mereka berdasarkan minat dan kecenderungan masing-masing.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Pusat Sumber Meningkatkan Penguasaan Bahasa Melayu' oleh Zuridah Hanim Md. Akhir, Pelita Bahasa, April 2011)

SET 34

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan hutan bandar** dan **cara-cara mengekalkan hutan bandar**. Panjang rumusan anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Disediakan Oleh: Izzat Hakim Ismail

Kawasan andar merupakan penyumbang utama pembebasan karbon dioksida yang menjadi punca utama pencemaran udara. Oleh itu, kewujudan hutan andar penting bagi mengurangkan masalah ini. Hutan andar merupakan tumbuh-tumbuhan yang sedia ada dan juga pokok-pokok yang ditanam secara sistematik di persekitaran Bandar. Hutan Bandar berperanan untuk menyediakan kawasan hijau yang berkualiti bagi mengimbangi binaan batu dan struktur lain yang mendominasi lanskap andar.

Hutan Bandar berfungsi untuk mengurangkan kesan andar akibat kemerosotan kualiti alam sekitar di kawasan andar. Ketika ini, hutan andar menjadi semakin relevan dan sangat berpotensi untuk mengurangkan masalah pencemaran udara. Di samping itu, masalah pemanasan global juga dapat dikurangkan melalui penghutan Bandar. Pokok pinggiran jalan yang ditanam pula dapat dijadikan peneduh daripada panas matahari. Namun demikian, pemilihan pokok yang sesuai perlu diambil kira oleh pihak berkuasa tempatan. Umpamanya, penanaman pokok palma, walaupun cantik, tidak membawa banyak faedah sebagai peneduh kerana saiz kanopinya yang kecil berbanding dengan pokok-pokok besar yang lain. Begitu juga pokok angkana, walaupun andar tetapi dahannya mudah patah dan membahayakan orang ramai.

Pada masa yang sama, pokok besar yang ditanam di sekitar andar seperti Khaya senegalensis dan Samanea saman berfungsi untuk menyerap karbon dioksida di atmosfera. Karbon dioksida yang diserap berubah ke bentuk biojisim yang disimpan sebagai karbon sama ada di bahagian akar atau di bahagian batang, daun dan dahan. Peranan utama pokok yang menjadi penyumbang kepada perhutanan andar adalah untuk mengurangkan masalah perubahan iklim. Hal ini demikian kerana pokok yang ada di sesuatu kawasan andar dipercayai dapat memberikan sumbangan bukan sahaja di kawasan andar tersebut bahkan di peringkat global. Oleh itu, hutan andar sememangnya penting dalam melengkapkan ekosistem andar.

Berbeza dengan hutan hujan tropika yang berfungsi untuk mengurangkan kerosakan tanah, menyediakan sumber makanan dan perlindungan kepada pelbagai jenis haiwan, hutan andar pula dapat meminimumkan kerosakan akibat hakisan tanah. Hal ini disebabkan kewujudan hutan andar sedikit sebanyak telah dapat menangani masalah kejadian tanah runtuh di kawasan andar. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilakukan bagi menjamin pengekalan pokok besar yang sedia ada di kawasan andar. Usaha ini penting demi meningkatkan kualiti udara di andar di samping manfaatnya terhadap alam sekitar secara keseluruhan.

(Dipetik dan diubah suai daripada, 'Hutan Bandar' oleh Ahmad Aazaruddin Mohd Noor dan Adnan Mohamad, Dewan Kosmik, Jun 2011.)

SET 35

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian tulis satu rumusan tentang **usaha-usaha untuk meningkatkan ilmu sains sukan negara** dan **kesan-kesannya**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

SET RUMUSAN BAHASA MELAYU KERTAS 1103/2 - SPM

Sains sukan merupakan satu cabang dalam sains yang mengkaji respons manusia terhadap aktiviti fizikal. Bidang ini merangkumi kinesiology, biomekanik, anatomi dan fisiologi. Sains sukan bukanlah satu bidang khas yang melatih seseorang menjadi cergas dalam melakukan sesuatu aktiviti yang bertujuan meningkatkan prestasinya, sebaliknya bidang ini membantu memahami tindak balas badan manusia seperti organ, sistem saraf, sistem otot, dan tenaga dalam badan semasa melakukan sesuatu sukan.

Setiap kali atlet gagal dalam sesuatu kejohanan, tumpuan pasti terarah kepada kegagalan dalam psikologi, sedangkan sebenarnya kebanyakan atlet negara gagal disebabkan oleh kelemahan taktikal atlet itu sendiri.

Sedar atau tidak, banyak atlet negara menunjukkan pencapaian yang kurang memberangsangkan kerana kurang pendedahan tentang sains sukan. Atlet seharusnya mempunyai konsep sendiri dalam mendalami ilmu sains sukan untuk mempertingkatkan tahap pencapaian dalam bidang masing-masing terutamanya ketika pertandingan. Ilmu sains sukan sepatutnya didedahkan kepada atlet sejak awal lagi kerana pembinaan kekuatan asas tubuh badan dan kemahiran asas yang betul juga sepatutnya bermula di peringkat permulaan. Sejak sekolah rendah lagi, pelajar sekolah seharusnya didedahkan kepada ilmu sains sukan melalui pembelajaran subjek pendidikan seni.

Sekiranya hanya atlet di peringkat tertinggi seperti atlet kebangsaan yang didedahkan dengan ilmu sains sukan, pencarian bakat atlet yang benar-benar berkualiti akan menjadi terhad. Subjek sains sukan sepatutnya didedahkan secara menyeluruh kepada semua atlet, kerana mungkin terdapat atlet berbakat yang mampu melatih diri sendiri tanpa mengharapkan bantuan jurulatih. Usaha melahirkan lebih banyak graduan pendidikan jasmani dan pendidikan sains sukan serta penubuhan institut sukan negeri di setiap negeri perlu diteruskan, malah dipercepatkan agar tidak ketinggalan dengan negara-negara lain.

Sains sukan telah lama bertapak di Malaysia, namun masih belum dapat diaplikasikan sepenuhnya. Negara Malaysia sebenarnya ketinggalan dari segi ilmu sains sukan. Hal ini dapat dilihat melalui kualiti yang dimiliki setiap atlet pada hari ini. Malaysia harus memulakan penerapan pembelajaran dan pemahaman ilmu sains sukan sejak di peringkat sekolah lagi. Latihan yang bersistematik perlu diaplikasikan oleh atlet supaya dapat mempelajari teknik asas sukan dengan betul. Secara asasnya, konsep pendedahan latihan psikologi membantu atlet untuk berhadapan dengan situasi tegang dalam pertandingan.

Ilmu sains sukan sepatutnya didedahkan kepada atlet sejak awal lagi, begitu juga dengan pendedahan berkaitan kekuatan asas tubuh badan yang seharusnya diberi penekanan sejak awal. Kemahiran asas sukan yang betul juga sepatutnya dimulakan sejak di bangku sekolah. Sayangnya, kebanyakan pelajar sekolah sekarang lebih didedahkan dengan senaman ringan mengikut kesukaan masing-masing. Apa yang penting, subjek sains sukan sepatutnya didedahkan secara menyeluruh kepada semua atlet kerana mungkin terdapat atlet berbakat yang mampu melatih sendiri tanpa mengharapkan bantuan jurulatih.

SET 36

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan nilai-nilai positif** dan **kekangan untuk menyemai nilai-nilai tersebut**. Panjangnya rumusan **hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Disediakan Oleh: Izzat Hakim Ismail

Pendidikan memainkan peranan penting bagi membina dan menanam nilai-nilai positif dalam kalangan pelajar. Pendidikan di semua peringkat persekolahan perlu menanamkan nilai-nilai positif selaras dengan matlamat Wawasan 2020 yang bertujuan untuk meningkatkan taraf pemodenan dan seterusnya menjadikan Malaysia sebuah negara maju dengan acuannya sendiri.

Nilai-nilai positif ialah nilai-nilai yang mendorong kepada perubahan dan kemajuan. Nilai-nilai positif seperti yakin diri dan berani menghadapi cabaran amat penting untuk membina keyakinan dirimasyarakat dan menentukan kekuatan sesuatu bangsa, kaum atau negara. Masyarakat yang maju memiliki nilai-nilai positif di samping peka terhadap segala perkembangan yang berlaku. Kita harus mengejar kemajuan, perubahan dan pembangunan tanpa meninggalkan nilai-nilai positif yang menjadi asas pembinaan kekuatan moral, kerohanian, kemanusiaan dan keterampilan dalam segala bidang. Masyarakat yang ingin kita lahirkan sesungguhnya masyarakat madani yang akan disegani di persada dunia.

Di samping itu, nilai positif juga mendorong individu dan masyarakat supaya berani bertindak secara rasional untuk menegakkan kebenaran dan keadilan. Nilai positif juga perlu dipertahankan bagi membebaskan individu dan masyarakat daripada ancaman gejala sosial yang begitu dominan pengaruhnya. Pembinaan imej diri yang menonjolkan keterampilan, kewibawaan dan kekuatan moral sangat signifikan dengan pemupukan nilai-nilai positif. Manakala nilai negatif perlu dikikis bagi membebaskan masyarakat daripada kemunduran dan kejahilan. Masyarakat yang demikian juga akan menjadi liabiliti kepada negara serta menjadi batu penghalang ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020.

Selain itu, penekanan nilai positif dalam pembinaan sumber tenaga manusia dan tenaga pekerja juga penting untuk mewujudkan guna tenaga yang produktif dan positif ke arah pembangunan negara yang mapan. Nilai-nilai positif para pekerja seperti kerajinan, bertanggungjawab, amanah dan berdaya saing bukan sahaja perlu diamalkan di tempatkerja tetapi di luar tempat bekerja juga agar cabaran dan dugaan di pentas global mampu ditangani secara lebih mudah.

Nilai positif yang terpahat dalam diri seseorang akan dapat membantunya membanteras pelbagai masalah yang mengancam dirinya sendiri, masyarakat dan negara. Oleh itu, fungsi pendidikan perlu mengarah kepada pembinaan watak, akhlak dan moral individu yang mengamalkan nilai-nilai hidup yang baik dan tidak bercanggah dengan norma-norma kehidupan yang mulia. Yang pasti, amalan nilai-nilai positif akan menggalakkan perkembangan dan kemajuan tuntas seseorang individu ke arah pembinaan kesejahteraan diri, masyarakat dan negara.

(Dipetik dan diubah suai daripada *Kepentingan Nilai Positif Dalam Diri?* oleh Nur Aisyah Mohamad Hussein, Wadah Siswa, November, 2013)

SET 37

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **sebab-sebab jasa guru perlu dikenang** dan **cabaran yang dihadapi oleh pendidik**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Sambutan Hari Guru diadakan saban tahun bagi mengingatkan kita betapa besarnya jasa dan pengorbanan golongan pendidik. Sebenarnya, semua pihak harus bersama-sama menghargai jasa guru. Bagi pelajar yang masih di bangku sekolah, guru dianggap sebagai ibu bapa kedua kerana guru mendidik pelajar supaya mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan. Guru turut berperanan menyemarakkan nilai murni, kasih sayang, dan akhlak mulia di samping mengasuh pelajar menghindari keburukan agar pelajar lahir sebagai insan yang mulia.

Pelajar harus menghormati guru dan mematuhi tunjuk ajar serta nasihat guru sebagaimana mereka mentaati ibu bapa. Walaupun sesekali pelajar terpaksa dihukum tetapi tindakan itu demikebaikan mereka sendiri. Dalam hubungan ini, guru dikatakan melakukan sesuatu yang muli demi kebaikan pelajar. Bagi mereka yang sudah meninggalkan alam persekolahan, jasa bekas guru tetap melekat dalam ingatan. Yang budiman pula tidak dapat menafikan bahawa hasil didikan guru telah meletakkan mereka pada kedudukan sekarang. Sebaliknya jika mereka gagal, hal itu adalah salah sendiri kerana tidak mahu menurut nasihat guru. Segala kenangan sewaktu berada di sekolah kerap bermain dalam fikiran sehingga muncul keinsafan betapa besarnya jasa guru. Bagi ibu bapa pula, jika mereka sanggup menyerahkan anak kepada guru, tiada sebab mereka curiga akan keikhlasan guru. Lagipun, tidak ada guru yang mahu melihat pelajar gagal. Sebaliknya, merekalah orang yang paling bangga apabila pelajar mencapai kejayaan.

Guru bukanlah manusia yang suka mengungkitkan segala hal tentang pengorbanan mereka. Para pendidik ini mengikhhlaskan pengorbanan mereka sebagai sumbangan bakti kepada anak bangsa. Oleh sebab itu, mereka jarang-jarang terasa hati jika ada bekas pelajar yang sudah berjaya yang tidak mempedulikan mereka. Perkara ini ada hubungannya dengan sikap guru yang tidak mengharapkan sebarang balasan daripada bekas pelajar. Lazimnya guru tidak mudah lupa akan bekas pelajar, sebaliknya pelajarlah yang sering lupa akan jasa dan pengorbanan guru mereka. Dalam keadaan tertentu, sikap memuja dan mengagungkan golongan tertentu mendorong mereka alpa terhadap golongan yang lebih banyak berjasa kepada mereka

Selaku manusia yang bermaruah, kita harus bertanya kepada diri sendiri, adakah kita masih ingat kepada orang yang pernah mengajar kita suatu masa dahulu? Masihkah kita menelefon atau menziarahi mereka? Pernahkah kita mendoakan kesejahteraan mereka? Kita harus mempunyai jawapan untuk semua soalan ini walaupun jawapannya mungkin berbeza-beza. Hal ini demikian kerana guru merupakan antara insan yang penting dalam hidup kita, insan yang pernah melakarkan jalan hidup kita suatu masa dulu.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada rencana
“Kenang Jasa dan Pengorbanan Guru Sepanjang Hayat”
oleh Zainor Said, Berita Harian, 15 Mei 2009.)

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha menyuburkan amalan berbudi bahasa dan kekangan yang dihadapi**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Kempen budi bahasa yang dilancarkan pada 11 Januari 2005 merupakan satu kempen yang hakikatnya berusaha memperbaiki sikap negatif masyarakat kita sama ada dalam keluarga, sesama anggota masyarakat, harta benda dan alam sekitar. Kempen ini merupakan agenda kerajaan dalam usaha melahirkan masyarakat Malaysia yang berbudi bahasa dan ramai yang menyambut baik kempen ini dan berharap kempen ini berterusan dalam jangka masa panjang.

Untuk itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan menggerakkan semula kempen Rumahku Syurgaku memandangkan kempen ini dianggap berjaya dan perlu diaktifkan demi mencapai misinya untuk melahirkan masyarakat penyayang dan harmoni. Demi meneruskan kelangsungan institusi keluarga yang bahagia di samping terhindar daripada sebarang gejala tidak sihat, pelbagai pihak mesti meneruskan usaha menyemai sikap positif dalam kehidupan seharian mereka. Manakala dalam hidup bermasyarakat bagi sebuah negara yang menuju pembangunan pesat, segala tingkah laku negatif individu mesti dibuang jauh-jauh supaya negara kita tidak dilabel dengan pelbagai gelaran tidak baik.

Kempen yang telah dan sedang digerakkan di negara kita mesti dihayati dan dipraktikkan terutamanya kempen yang menekankan pentingnya nilai murni dalam kehidupan seharian. Kempen Cintailah Sungai Kita menggalakkan masyarakat memelihara kelestarian sungai, Budi Bahasa Budaya Kita pula memupuk masyarakat hidup makmur dan Masyarakat Penyayang membentuk masyarakat toleransi. Sebenarnya kempen ini sudah cukup untuk membuktikan kita sudah begitu prihatin mengenai kepentingan amalan baik dalam hidup bermasyarakat.

Televisyen perlu lebih banyak menyiarkan rancangan bercorak keagamaan, moral dan mengurangkan rancangan hiburan melampau serta filem ganas yang tidak sesuai untuk anak-anak muda. Iklan mengenai peri pentingnya budi bahasa, nilai murni dan hubungan baik antara masyarakat mesti dipertingkatkan dengan harapan generasi muda dapat menjadikannya sebagai panduan. Siaran media yang lebih bertanggungjawab ini akan mendorong masyarakat ke arah lebih positif. Ibu bapa mesti memainkan peranan lebih aktif memantau anak remaja mereka supaya tidak terjebak dengan gejala tidak sihat. Golongan muda mesti ditanam dengan nilai murni supaya dapat dipraktikkan apabila mereka berdepan dengan orang ramai.

Di samping pendidikan agama dan moral, pengukuhan dalam pendidikan akademik sangat penting untuk anak-anak. Jika anak-anak tercicir dalam pendidikan, mudah bagi mereka menjadi liar dan terlibat dengan aktiviti tidak sihat. Sebagai institusi pendidikan, sekolah dan pusat pengajian lain mesti mempertingkatkan kefahaman pelajar tentang nilai murni menerusi pelbagai subjek yang diajar. Pelbagai aktiviti luar mesti diperbanyak oleh pihak sekolah termasuk mendedahkan kepada mereka mengenai kejahatan sosial dan mereka perlu dijelaskan tentang punca berlakunya masalah tersebut, kesannya dan cara menanganinya.

Golongan muda mesti mempunyai rasa hormat terhadap persekitaran di sekeliling mereka misalnya kepada alam sekitar, negara, masyarakat, apatah lagi ibu bapa. Mereka mempunyai tanggungjawab untuk mewujudkan sebuah negara yang bebas daripada sebarang masalah dengan cara tidak membabitkan diri dengan aktiviti tidak sihat. Golongan muda pula mesti menyedari bahawa mereka juga mempunyai peranan besar untuk merealisasikan hasrat menjadikan masyarakat kita terkenal di peringkat lebih jauh. Menghormati orang yang lebih tua adalah satu nilai murni dan tentunya memudahkan mereka menghormati yang lain termasuk undang-undang yang telah ditetapkan.

Kesimpulannya, amalan budi bahasa, hormat-menghormati tidak kira peringkat usia, pangkat dan kedudukan akan melahirkan masyarakat menepati aspirasi negara. Amalan budi bahasa menjadi cerminan rakyat negara ini agar menjadi elemen utama memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk seterusnya menjadi pemangkin pembangunan negara ke arah negara maju.

SET 39

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang peranan IPT (institusi pengajian tinggi) dan faktor-faktor yang menyebabkan sesebuah IPT menjadi pilihan pelajar untuk melanjutkan pelajaran. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Landskap pendidikan negara akan memasuki fasa baharu apabila penjenamaan semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) disiapkan dan dikenali sebagai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pengajian Tinggi). PSPTN bertujuan mentransformasikan dan mengangkat pendidikan negara ke tahap yang lebih tinggi. Untuk mencapai matlamat ini Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negara ini dipertanggungjawabkan untuk membantu menyediakan modal insan berkemahiran tinggi supaya Malaysia menjadi negara maju. Modal insan yang dilahirkan oleh IPT itu pula bukan sahaja berjaya dalam bidang akademik tetapi memiliki nilai moral yang tinggi.

Fokus awal yang perlu diberi perhatian oleh setiap IPT ialah memberikan tumpuan kepada pemilihan ahli akademiknya terlebih dahulu. Pensyarah IPT perlu menguasai ilmu sepenuhnya dan faham tentang aspirasi negara. Hal ini demikian kerana, IPT perlu melahirkan graduan yang menyokong teras misi nasional dalam meningkatkan keupayaan dan inovasi negara. Dalam masa yang sama, masyarakat mengharapkan bidang pengajian tinggi dapat membentuk graduan yang mampu menterjemahkan pengetahuan kepada amalan. Apa yang jelas ialah graduan hendaklah dibekalkan dengan kebolehan kognitif yang tinggi iaitu berfikir secara analitikal. Minda mereka juga seharusnya diasah dengan tahap penaaakulan yang tinggi supaya mampu *menabur bakti* kepada agama, bangsa dan negara.

Setiap graduan mengharapkan kerjaya yang baik setimpal dengan pengorbanan mereka selama bertahun-tahun di IPT. Oleh itu, kerajaan perlu mewujudkan pangkalan data yang lengkap bagi mengenal pasti keperluan sumber tenaga manusia. Sehubungan dengan itu, sewajarnya para pemimpin IPT berusaha untuk meningkatkan keupayaan program yang ditawarkan di samping berperanan menambah baik kualiti pengajian bidang tertentu agar graduan berupaya meneroka bidang yang diceburi sebaik sahaja mereka menamatkan pengajian nanti.

Rakyat Malaysia mengharapkan IPT tempatan mampu meneruskan kecemerlangannya pada masa hadapan. Perancangan strategik yang komprehensif perlu dirangka oleh peneraju IPT untuk wawasan jangka masa panjang. Tidak dapat dinafikan juga, barisan kepimpinan IPT terutamanya naib canselor merupakan faktor utama penentu kejayaan IPT. Oleh itu, tapisan ketat perlu dilaksanakan untuk mengisi jawatan naib canselor. Pihak kerajaan perlu memberikan lebih banyak kuasa kepada Lembaga Pengarah Universiti agar mereka dapat berperanan sebagai pembimbing dan pemantau pembangunan sesebuah IPT. Dalam hal ini, diharapkan para ilmuwan

dan cendekiawan negara dapat melontarkan idea-idea bernas untuk memantapkan IPT tempatan. Sesungguhnya, kita mengharapkan IPT tempatan dapat terus hidup dan berjuang di pentas pendidikan selari dengan kehendak dunia moden kini.

SET 40

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan menguasai bahasa asing** dan **kekangan untuk mempelajari bahasa asing**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Dalam era globalisasi dan kemajuan pesat negara pada hari ini, kemampuan untuk menguasai dan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa merupakan satu kelebihan yang cukup istimewa bagi memperkaya pembangunan modal insan dalam negara. Fungsi bahasa bukan sahaja sebagai alat untuk berkomunikasi tetapi juga mempunyai kepentingan yang pelbagai, lebih-lebih lagi apabila seseorang itu dapat menguasai lebih daripada satu bahasa. Kemahiran menguasai pelbagai bahasa bukan suatu perkara mustahil. Banyak antara mereka mampu menguasai dan berkomunikasi dalam bahasa asing selain bahasa ibunda yang dituturkan malah mereka berjaya memiliki ijazah dari universiti luar negara yang menggunakan bahasa tempatan mengikut bidang kepakaran masing-masing.

Kemahiran menguasai bahasa asing dapat memberikan nilai tambah kepada pelajar untuk bersaing dalam pasaran kerja. Hal ini demikian kerana penguasaan pelbagai bahasa dan kemahiran berkomunikasi merupakan suatu pertimbangan penting diberi oleh sesetengah majikan dalam mana-mana syarikat antarabangsa atau multinasional. Memang tidak dapat dinafikan terdapat banyak bahasa yang dituturkan oleh manusia di seluruh dunia. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mempunyai anggota yang terdiri daripada 192 buah negara mengiktiraf enam bahasa rasmi digunakan dalam setiap persidangan rasmi yang terdiri daripada bahasa Inggeris, Perancis, Rusia, China, Sepanyol dan Arab. Situasi ini menyebabkan keyakinan seseorang akan bertambah apabila bertutur di khalayak yang dihadiri oleh pelbagai bangsa. Jika dilihat dari sudut perdagangan antarabangsa, penguasaan bahasa antarabangsa seperti bahasa Inggeris amat mustahak. Hal ini demikian kerana penguasaan bahasa tersebut membantu perwakilan negara memahami sesuatu perincian perjanjian sekali gus menjamin rundingan perdagangan yang lebih bermakna.

Selain itu, perkembangan ekonomi negara sering dikaitkan dengan pemindahan ilmu dan teknologi dari negara-negara maju. Oleh itu, kelebihan ini membolehkan seseorang memperoleh, serta memindahkan pengetahuan dan teknologi dalam segenap bidang di samping itu, proses mempelajari ilmu dalam pelbagai bidang ilmu akan menjadi lebih licin. Dalam hubungan diplomatik pula, para diplomat yang terdiri daripada pegawai kanan atau duta yang dilantik untuk mewakili negara dalam hubungan antarabangsa perlulah menguasai bahasa negara tempat mereka

ditugaskan. Kemampuan berbahasa ini memudahkan tugas harian para diplomat malah mengangkat martabat diplomat Malaysia kepada negara asing.

Keseimpulannya, langkah kerajaan memperkenalkan subjek bahasa asing di peringkat sekolah terutamanya di peringkat awal persekolahan perlu diterima secara positif kerana pakar bahasa dan ahli neurologi bersepakat mengatakan bahawa masa paling sesuai untuk mempelajari bahasa adalah antara 6 hingga 12 tahun. Langkah ini tidak bermakna menafikan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Sememangnya bahasa merupakan lambang atau identiti nasional, tambahan lagi sebagai alat untuk mengukuhkan perpaduan rakyat sesebuah negara.

SET 41

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **peranan remaja sebagai pengguna dan cara-cara memupuk kesedaran kepenggunaan dalam kalangan remaja**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Dewasa ini, isu kepenggunaan dalam kalangan remaja menjadi perhatian masyarakat lantaran peningkatan taraf hidup. Tanpa kita sedari, pengguna remaja lebih banyak menjadi mangsa penipuan berbanding dengan pengguna lain. Hal ini terjadi kerana remaja sendiri kurang ambil peduli tentang hak dan tanggungjawab sebagai pengguna. Isu remaja dan pengguna berlaku sepanjang masa, namun yang menjadi persoalannya ialah tidak banyak remaja yang mengetahui hak dan tanggungjawab mereka sebagai pengguna. Oleh sebab itu, setiap remaja perlu peka akan peranan mereka sebagai pengguna yang bijak. Mereka perlu melibatkan diri dalam hal-hal kepenggunaan kerana melalui cara ini mereka akan memahami definisi, hak dan tanggungjawab sebagai pengguna.

Terdapat pelbagai cara yang boleh dilakukan oleh remaja untuk mendapatkan maklumat tentang semua perkara berkaitan isu kepenggunaan. Antaranya ialah menjadi ahli persatuan pengguna di tempat masing-masing. Selain itu, remaja perlu berkongsi pengetahuan sebagai pengguna dengan masyarakat. Remaja tidak seharusnya bersikap mementingkan diri sendiri semata-mata. Remaja boleh menjalankan tanggungjawab sosial ini dengan menggunakan laman sosial yang mudah dan popular dalam kalangan mereka. Oleh itu, remaja boleh menggunakan perkhidmatan laman sosial ini sebagai wadah komunikasi untuk menubuhkan kelab pengguna.

Pada masa yang sama, remaja juga boleh mengetahui sebarang produk dan perkhidmatan daripada pelbagai sumber. Hal ini amat penting kerana tanpa disedari, remaja sering menjadi mangsa apabila jurujual menggunakan permainan psikologi. Justeru, remaja bertanggungjawab mengambil tindakan yang sewajarnya andai mereka menjadi mangsa dalam hal-hal kepenggunaan. Selain memahami hak dan tanggungjawab sebagai pengguna, remaja juga harus mengambil sedikit masa untuk melihat isu-isu penting tentang kepenggunaan. Isu ini boleh dicari dengan mudah melalui media cetak dan elektronik. Antara isu yang mendapat perhatian media ialah isu pengguna remaja yang menjadi mangsa produk tiruan. Hal ini berlaku kerana faktor usia dan pemikiran remaja itu sendiri yang tidak matang.

Sebagai pengguna, remaja juga bertanggungjawab untuk melakukan kajian terhadap isu-isu tertentu kerana hal ini akan membuka minda remaja untuk berfikir dengan lebih luas sebagai pengguna. Dalam pelbagai hal kepenggunaan, remaja sebagai pengguna seharusnya berfikir dahulu dan merancang sebelum berbelanja bagi mengelakkan diri mereka daripada menjadi mangsa penipuan.

Disediakan Oleh: Izzat Hakim Ismail

Sebarang isu yang dapat membantu remaja menjadi pengguna yang bijak haruslah dikaji, diselidik, dan difahami oleh remaja sendiri.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
Tanggungjawab Remaja Sebagai Pengguna
oleh Asrul Ilham Sany,
Dewan Siswa, April 2011)

SET 42

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **langkah-langkah untuk meningkatkan kebolehpasaran siswazah tempatan dan faktor-faktor yang menyebabkan pengangguran**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Berdasarkan statistik, kira-kira 240,000 daripada 1.2 juta orang pelajar di semua institusi pengajian tinggi di Malaysia akan menamatkan pengajian mereka pada setiap tahun. Ini bermakna lebih 200,000 orang graduan perlu bersaing dalam suasana yang sengit untuk mendapatkan kerja. Ekoran daripada itu, pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) perlu menstrukturkan program mereka dalam elemen ilmu, nilai dan kemahiran supaya dapat memantapkan kemahiran insaniah sebagai persiapan kebolehpasaran untuk para graduan mereka. Kementerian Pendidikan juga seharusnya meningkatkan jumlah jam kredit bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di IPT awam dalam usaha memastikan graduan memperkasakan penguasaan bahasa tersebut. Diharapkan agar penguasaan kemahiran komunikasi dalam bahasa antarabangsa ini membolehkan mereka membina keupayaan yang tinggi sebelum melangkah ke pangkuan masyarakat. Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga melaksanakan program yang membolehkan siswazah mempunyai kecekapan yang diperlukan oleh majikan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan IPT. Menurut Menteri Pendidikan, program ini merupakan nilai tambah kepada graduan dalam pelbagai aspek.

Sehubungan dengan hal itu, kerajaan amat menggalakkan setiap IPT membangunkan pusat keusahawanan yang bukan sahaja berperanan untuk merancang, menyelaras dan memantau program, malahan menyediakan usahawan berpengetahuan. Hal ini demikian kerana apabila siswazah menamatkan pengajian, mereka mampu menjadi graduan yang berkualiti yang akan menyumbang kepada kekuatan modal insan yang diperlukan negara. Pihak Kementerian Sumber Manusia juga telah menubuhkan 11 buah Jobs Malaysia Centre (JMC) yang menyediakan perkhidmatan dan kemudahan penjodohan kerja secara atas talian, mengendalikan proses temu duga dan menyediakan perkhidmatan bimbingan kaunseling serta kerjaya di seluruh negara. JMC juga turut menjalinkan kerjasama dengan IPT bagi menyediakan pelbagai latihan kemahiran.

Sebenarnya, usaha untuk melahirkan siswazah yang berkualiti adalah penting untuk memenuhi tuntutan pekerjaan. Modal insan inilah yang akan dapat melestarikan pembangunan negara pada masa hadapan. Menyedari kepentingan inilah, kerajaan telah melancarkan Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) pada bulan Jun 2010 yang membabitkan 8,000 orang graduan untuk mendapatkan pekerjaan. Selain itu, Kementerian Pendidikan juga telah menjalankan program khas langkah jangka pendek kepada 12,000 daripada 20,000 orang graduan bagi meningkatkan kebolehpasaran siswazah tempatan

bagi menangani masalah pengangguran di negara ini. Secara tuntasnya, siswazah sendiri perlulah berusaha untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran yang bersesuaian dengan kehendak pasaran pekerjaan. Mereka mestilah membuat persiapan yang lebih mantap dengan menjana kualiti diri siswazah agar mereka dapat melestarikan pembangunan negara pada masa hadapan.

(Dipetik daripada "Meningkatkan Kebolehpasaran Siswazah Tempatan"
oleh Haji Samat Buang, Wadah Siswa 2012)

SET 43

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **faktor-faktor plastik berbahaya kepada manusia** dan **usaha-usaha meminimumkan risikonya**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Bekas plastik banyak digunakan untuk memenuhi keperluan harian kerana makanandan minuman dibungkus dengan menggunakan plastik. Dalam bidang industri, plastikdigunakan untuk menghasilkan telefon bimbit dan komputer. Dapatlah ditegaskan bahawa plastik terdapat di merata-rata tempat. Malangnya selepas digunakan, bahan itu dihumban hingga memenuhi tempat pelupusan sampah. Plastik yang dibuang itu mengambil masapuluhan tahun untuk lupus.

Walaupun plastik memudahkan kita dalam banyak perkara tetapi bahan ini juga mempunyai keburukannya. Umumnya, plastik menyebabkan masalah pencemaran alam.Selain itu, bahan pelbagai guna ini menyebabkan kesan toksik kepada manusia melalui bahan kimia yang dibebaskannya, iaitu bisfenol A (SPA). SPA ialah sejenis lakuer yang digunakan sebagai monomer untuk menghasilkan resin epoksi dan bekas plastik polikarbonat. Resinepoksi digunakan sebagai penyalut pada kebanyakan bekas makanan dan minuman di dalam tin untuk mengelakkan makanan daripada serangan bakteria. Namun, kita harus sedar bahawa kebanyakan daripada kita terdedah kepada SPA dalam tempoh yang lama akibat daripada penggunaan perkakas plastik. Kita terdedah pada SPA melalui mulut, pernafasan,dan penyerapan melalui kulit. Penggunaan plastik, sedikit demi sedikit meyebabkan SPA masuk ke dalam badan kita tanpa kita sedari. Selain itu, lama-kelamaan kita akan terdedah pada pencemaran toksik yang berpunca daripada SPA.

Daripada kajian makmal, SPA didapati dapat menyebabkan kanser, ketidaksuburan,dan masalah hiperaktif terhadap haiwan. SPA pada bahan plastik, turut mengganggu fungsi dan perkembangan otak serta beberapa sistem lain pada manusia, khususnya bayi. Kajian yang dijalankan oleh Toksilogi Kebangsaan di Amerika Syarikat mulai 2007 hingga Jun 2008 membuktikan bahawa SPA ini, mempunyai kesan sampingan yang daripada tahap minimum hingga tahap serius terhadap manusia. Para penyelidik tersebut juga mendapati bahawa bahan plastik dapat mendatangkan kesan negatif terhadap perkembangan otak bayi dan kanak-kanak yang sering terdedah pada SPA. Tambahan pula, sebahagian besar daripda mainan kanak-kanak dibuat daripada plastik menyebabkan kita sukar menjauhkan kanak-kanak daripada SPA.

Disediakan Oleh: Izzat Hakim Ismail

Meskipun saintis sering memperkatakan bahaya yang disebabkan oleh peralatan yangdibuat daripada plastik, namun syarikat atau pengeluar produk yang menggunakan bahan ini pula sering kali menafikannya. Mereka kerap menyangkal kebenaran hasil kajian yang dikemukakan oleh ahli sains untuk kepentingan mereka.

(Dipetik dan diubah suai daripada
"Plastik Maut"
oleh Sazaroni Md. Rashid, *Dewan Kosmik*, April 2009)

SET 44

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah memperkukuh tradisi hidup berjiran dan kepentingan hidup berjiran. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, tradisi hidup berjiran atau semangat kejiranan tanpa mengira perbezaan bangsa dan agama sudah bertapak sejak sekian lama. Perbezaan tersebut tidak seharusnya dijadikan sempadan untuk membina benteng daripada amalan, hidup berjiran. Namun realiti masyarakat hari ini adalah mengambil mudah berhubung semangat kejiranan. Mungkin alasan kesibukan seharian dalam mengejar karier masing-masing menyebabkan amalan kejiranan semakin dilupakan. Pacuan perkembangan teknologi pada hari ini juga menjadi *penyumbang kepada kealpaan* masyarakat terhadap amalan hidup berjiran. Terdapat juga jiran tetangga yang tidak berminat untuk saling mengenali sesama sendiri kerana mementingkan status, malah tidak pernah bertegur sapa kerana menganggap jiran mereka rendah darjatnya. Hal sedemikian perlu diatasi segera dengan mengamalkan amalan bertegur sapa sesama jiran seperti bertanya khabar atau bertukar-tukar pandangan supaya hubungan kejiranan yang mulia ini tidak terhakis dalam masyarakat kita. Selain itu, usaha bersepadu yang lain perlu dilakukan bagi menyuburkan kembali tradisi hidup berjiran agar dapat menjamin keharmonian dalam masyarakat kita.

Sebenarnya semangat kejiranan mampu meninggalkan kesan yang ketara terhadap kesejahteraan masyarakat. Kehidupan berjiran akan berkekalan jika setiap jiran mempunyai matlamat hidup yang sama iaitu inginkan perpaduan dan kesejahteraan. Amalan ambit peduli terhadap sesuatu keadaan atau masalah yang dihadapi jiran dapat membantu kesulitan yang dialami oleh mereka. Hal ini demikian kerana banyak masalah kejiranan dapat diselesaikan apabila masing-masing saling mengambil peduli sesama jiran. Begitu juga dalam hubungan kejiranan yang melibatkan masyarakat yang berbeza bangsa dan agama, sikap saling menghormati kepercayaan masing-masing dan mengamalkan amalan mulia seperti ikhlas, saling menghormati dan tidak bersikap iri hati akan dapat membentuk hubungan kejiranan yang utuh. Hubungan kejiranan memerlukan kita saling bertemu, jadi meluangkan masa untuk berkunjung ke rumah jiran juga dapat mengeratkan semangat hidup berjiran. Hal ini memungkinkan kita Jebih mengenali sesama sendiri. Sekurang-kurangnya berkunjunglah ke rumah jiran pada hujung minggu atau sempena hari-hari perayaan tertentu. Hubungan

SET RUMUSAN BAHASA MELAYU KERTAS 1103/2 - SPM

kejiranan yang baik adalah apabila kita sanggup menepikan kesenangan diri semata-mata untuk membantu jiran pada masa diperlukan. Semakin kerap kita menghulurkan bantuan semakin erat ikatan kejiranan kita seperti semasa kenduri-kendara atau pada waktu-waktu kecemasan. Seterusnya pelbagai perbezaan sesama jiran dapat disempitkan jurangnya melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan seperti program Kawasan Rukun Tetangga(KRT) yang bukan sahaja menjaga keselamatan sekitar kejiranan malah mewujudkan hubungan sosial yang positif.

Dalam konteks menjaga hubungan sesama jiran, kita bertanggungjawab untuk tidak menyakiti hati jiran, baik perkataan mahupun perbuatan. Sampah sarap tidak harus dibiarkan berserakan dan berbau, begitu juga elakkan berbuat bising sehingga mengganggu ketenteraman jiran terutama pada waktu malam. Jelaslah betapa pentingnya peranan jiran dalam menentukan keharmonian dan keselamatan dalam sesebuah negara. Persoalan arus kemodenan bukanlah satu alasan untuk kita mengabaikan soal kejiranan. Dalam menjalani kehidupan berjiran ini kita perlu menghayati pepatah Melayu iaitu jiran sepakat membawa berkat.

SET 45

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang peranan kaum wanita terhadap pembangunan negara dan langkah-langkah memperkasakan peranan tersebut. Panjangnya rumusan anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Penglibatan wanita dalam pembangunan negara telah menyuntik semangat baharu kepada golongan ini. Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad, dalam ceramahnya yang berjudul 'Peranan Wanita dalam Pembangunan Negara' anjuran NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW) pada 10 November 2009 di Kuala Lumpur, telah *menonjolkan kegigihan* wanita dalam pelbagai bidang.

Kini wanita sering berada di barisan hadapan untuk membangunkan negara. Pelajar wanita di institusi pengajian tinggi (IPT) terdiri daripada 60% hingga 70% berbanding dengan hanya 10% suatu ketika dahulu. Sumbangan wanita terhadap masyarakat dan negara terus meningkat untuk kelestarian kejayaan negara. Semakin banyak wanita di negara ini berperanan mengisi jawatan penting dalam sesebuah organisasi dan memiliki kedudukan yang tinggi dalam pelbagai bidang pekerjaan.

Tanggungjawab wanita dalam menjalankan tugas sebagai ibu, isteri dan pekerja pada hari ini juga sangat mencabar seiring dengan peredaran zaman. Wanita di Malaysia turut melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Penglibatan mereka ini mampu menawarkan peluang pekerjaan kepada masyarakat. Hal ini seiring dengan agenda pembangunan negara untuk mencapai kemajuan. Kaum wanita yang berpendidikan tinggi diingatkan supaya tidak lupa akan tugas hakiki mereka. Mereka perlu membentuk peribadi anak-anak dengan memberikan didikan yang sempurna.

Dalam bidang pendidikan pula, peranan wanita memang tidak dapat dinafikan. Sebagai pendidik, mereka menggalas tanggungjawab mereka dengan penuh dedikasi dan mampu melahirkan modal insan kelas pertama. Wanita yang memberi sumbangan dalam pembangunan negara mempunyai daya pemikiran yang kreatif dan berdaya saing. Wanita juga amat teliti dan

Disediakan Oleh: Izzat Hakim Ismail

lebih berhati-hati dengan setiap tugas yang diberikan.

Sesungguhnya peranan wanita dalam pembangunan negara berupaya menggerakkan negara mencapai matlamat menjadi negara maju demi kesejahteraan dan kejayaan rakyat Malaysia sehingga ke peringkat antarabangsa. Oleh hal yang demikian, menjadi harapan para beliawanis hari ini untuk memastikan bahawa impian ini adalah suatu yang dapat direalisasikan demi kepentingan bersama.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Suntikan Semangat Baharu kepada Wanita',
oleh Siti Zaleha M. Hashim,
Dewan Masyarakat, Januari 2010)

SET 46

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat rumusan tentang langkah-langkah melestarikan teknologi hijau dan kekangan untuk melaksanakannya. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Perubahan iklim dunia ketika ini mengakibatkan beberapa fenomena yang boleh mengancam kehidupan manusia jika tidak ditangani dengan segera. Kenaikan aras laut, lapisan ozon yang semakin menipis, pencairan bongkah ais, kejadian ribut dan gempa bumi adalah antara fenomena yang menakutkan umat sejagat. Lantaran itu, pemimpin tertinggi negara ini bersepakat memberikan komitmen dan tindakan jitu untuk bersama-sama mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau.

Di negara kita, teknologi hijau sedang berkembang penggunaannya dalam pelbagai bidang. Kerajaan sendiri memperuntukkan dana sebanyak RM1.5 bilion dalam belanjawan 2010 bagi mempromosikan penggunaan teknologi hijau. Faedah teknologi hijau ini begitu banyak seperti meningkatkan produktiviti sumber semula jadi dan populasi serta mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk merawat setiap pencemaran yang berlaku. Penggunaan teknologi hijau mampu merangsang inovasi dan perubahan cara hidup seharian manusia. Kerajaan turut menstruktur semula dan menambah fungsi beberapa kementerian seperti mewujudkan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Untuk memastikan adanya penyelarasan di peringkat tertinggi, kerajaan telah menubuhkan Majlis Teknologi Hijau.

Untuk membantu kerajaan melaksanakan dasar teknologi hijau, remaja ada peranan mereka sendiri. Golongan remaja sebagai pewaris negara ini hendaklah *mengimplementasikan dasar* teknologi hijau dalam kegiatan seharian. Remaja hari ini mempunyai tanggungjawab besar bagi menjaga bumi tercinta. Remaja mesti menghayati pendidikan mengenai teknologi hijau, khususnya tonggak dan objektif yang menjadi dasar teknologi hijau. Sebenarnya, sebahagian besar rakyat Malaysia masih belum mempunyai kesedaran yang tinggi dan mendalam tentang kepentingan menjaga alam sekitar dan penggunaan teknologi hijau. Misalnya, plastik, kaca, kertas dan sisa makanan tidak dibuangkan

SET RUMUSAN BAHASA MELAYU KERTAS 1103/2 - SPM

di dalam tong yang berasingan. Oleh hal demikian, kanak-kanak seawal usia rebung mesti dididik untuk menghargai alam semula sekitar.

Tidak ada gunanya kerajaan memperuntukkan bajet bagi mempromosikan teknologi hijau jika kita semua tidak menukar minda. Semua pihak hendaklah mempraktikkan teknologi hijau dari rumah, bermula dalam lingkungan keluarga dan rakan. Tentu ada antara kita yang pernah melihat atau didedahkan kepada kempen pembuangan sampah. Amalan kitar semula melalui penyediaan empat tong sampah berasingan di setiap kawasan kejiranan dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat.

Tegasnya, penjagaan alam sekitar bukan tanggungjawab kerajaan. Sebaliknya, tanggungjawab dan amanah menjaga alam sekitar untuk kehidupan kini dan masa depan mesti dipikul bersama-sama. Hakikatnya, kita meminjam dunia hari ini daripada generasi masa hadapan.
(Dipetik dan diubahsuai daripada rencana

*'Teknologi Hijau, Peranan Remaja Dituntut oleh
Muhamad Haffy Zikry, Dewan Siswa, Februari 2010)*

SET 47

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **peranan remaja sebagai modal insan negara dan kekangan dalam mencapainya**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Tahun 2012, genaplah 55 tahun kita mengecapi kemerdekaan. Namun begitu, perjuangan untuk memartabatkan kemerdekaan agar negara dapat duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju perlu diteruskan oleh generasi muda. Orang bijaksana pernah berkata, 'jika ingin melihat masa hadapan sesebuah negara, lihatlah remajanya pada hari ini'. Hal ini bermaksud bahawa remaja pada hari ini memainkan peranan yang amat signifikan dalam memacu kegemilangan sesebuah tamadun bangsa.

Remaja yang kreatif dan inovatif mampu memelihara kemerdekaan negara, sekali gus meletakkan negara *di mercu kegemilangan* di persada dunia. Oleh hal yang demikian, remaja pada hari ini perlu melengkapi diri dengan pelbagai kemahiran insaniah. Sesungguhnya kerajaan memang menekankan kemahiran insaniah dalam kalangan remaja iaitu kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan. Selain itu, jati diri sebagai anak Malaysia haruslah diperkukuh oleh setiap remaja. Manakala, kerajaan perlu memperbanyak latihan kepimpinan dalam kalangan remaja. Dalam hal ini, media massa turut berperanan meniupkan semangat patriotisme ke dalam diri remaja sehingga menjadikan mereka gigih belajar atau menceburi bidang keusahawanan demi kemajuan negara.

Semasa di alam persekolahan dan peringkat pengajian tinggi, remaja perlu menggunakan peluang yang ada untuk bergerak aktif sama ada dalam aktiviti kemasyarakatan, sukan ataupun kebudayaan. Hal ini akan menjadikan remaja mampu berdiri di atas kaki sendiri tanpa mengharap orang lain.

Disediakan Oleh: Izzat Hakim Ismail

Sebagai remaja, mereka juga perlu sensitif terhadap isu semasa yang berlaku sama ada di dalam negara mahupun di luar negara.

Setelah lebih dari setengah abad negara mencapai kemerdekaan, remaja pada hari seharusnya lebih matang dalam mengatur setiap langkah kehidupan mereka. Keyakinan diri perlu ditingkatkan bagi merealisasikan segala impian. Ketika berhadapan dengan dunia yang kian mencabar, remaja sewajarnya mempunyai daya saing yang tinggi. Selain itu, kejayaan akademik yang cemerlang haruslah dicapai. Untuk memperkasakan remaja dalam pelbagai bidang, pelbagai geran dan kemudahan telah diberikan oleh pihak kerajaan untuk menggalakkan penglibatan remaja dalam bidang tersebut. Selain bantuan modal dan nasihat, bantuan teknikal juga turut diberikan.

Perkembangan teknologi maklumat turut menjadi wahana remaja untuk mengembangkan perniagaan mereka secara maya. Oleh sebab remaja pada hari ini merupakan mencerminkan masa hadapan negara, maka mereka perlu bertaut pada akar budaya dan bertunjangkan pegangan agama yang kukuh.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Sejarah Membina Jati Diri'
oleh Koo Kee Ping,
Dev. an Siswa, Januari 2009)

SET 48

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian buat satu rumusan tentang **punca-punca obesiti dalam kalangan murid dan langkah-langkah mengawalinya**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (LPKM) menjangkakan sebanyak 30 peratus rakyat akan mengalami obesiti pada tahun ini. Ketua Pegawai LPKM, Dr. Yahya Saba menyatakan bahawa angka itu menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding tahun-tahun sebelum ini, dan jika tahap kesedaran mengenainya tidak diberi perhatian secara serius, peratusannya mungkin bertambah. Statistik menunjukkan obesiti dalam kalangan orang dewasa negara ini meningkat mendadak dalam tempoh 10 tahun dari 1996 hingga 2006 dan senario ini membimbangkan pelbagai pihak.

Masalah obesiti dalam kalangan murid sekolah tidak seharusnya dikaitkan dengan pengambilan nasi lemak di kantin sekolah semata-mata. Obesiti disebabkan oleh pelbagai punca dan amat tidak wajar mengaitkannya kepada satu-satu jenis makanan yang menyumbang kepada masalah tersebut. Menurut Timbalan Menteri Pelajaran, Dr. Mohd. Puad Zarkashi, pengambilan makanan segera seperti piza, burger dan sebagainya di luar sesi persekolahan dan di rumah turut menjadi punca kegemukan. Selain makanan segera, ada juga kalangan murid yang membeli makanan ringan di luar pagar sekolah yang sememangnya tidak membawa sebarang khasiat. Secara umum, obesiti membabitkan pengambilan makanan berlebihan dan kurang melakukan aktiviti fizikal. Aspek pemakanan kanak-kanak perlu diberi perhatian sejak mereka dalam kandungan lagi. Kajian mendapati pertambahan berat badan ketika ibu mengandung juga merupakan satu daripada faktor penyebab obesiti kanak-kanak.

Perkembangan teknologi pada masa ini turut mempengaruhi kecenderungan kanak-kanak mengisi masa yang ada. Hal ini menyebabkan mereka lebih gemar melakukan aktiviti di dalam rumah yang menghadkan pergerakan mereka seperti menonton televisyen dan bermain komputer selain permainan elektronik. Perubahan persekitaran sosial termasuk kesibukan ibu bapa bekerja yang tidak memantau pemakanan anak-anak menyebabkan anak-anak mengalami masalah obesiti dan kesihatan. Kita juga harus melihat perspektif yang lebih luas termasuk industri makanan yang menjadikan kanak-kanak sebagai sasaran pemasaran dengan menampilkan label makanan yang menarik di samping menawarkan pelbagai hadiah iringan. Pengaruh iklan terhadap kanak-kanak sudah banyak dikaji dan banyak negara telah mengharamkan kempen atau pengiklanan makanan yang kurang berkhasiat.

Selain pemakanan, obesiti turut dikaitkan dengan faktor genetik. Buktinya, ada individu yang mengadu bahawa mereka mengalami masalah kegemukan walaupun mengawal tabiat pemakanan. Secara tuntas, satu pendekatan yang menyeluruh perlulah diambil untuk menangani masalah tersebut. Kita khuatir jika langkah segera tidak diambil, generasi akan datang berdepan dengan pelbagai masalah kesihatan.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Obesiti Murid, Perlu Pemantauan Serius'
oleh Hj. Sarnat Buang,
Fokus SPM, Jun 2011)

SET 49

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan **tentang langkah pencegahan kes-kes kekejaman terhadap kanak-kanak dan manfaatnya**. Panjangnya rumusan **tidak melebihi 20 patah perkataan**.

Sekali lagi rakyat Malaysia dikejutkan dengan kejadian menyayat hati yang membabitkan pembunuhan kanak-kanak. Pembunuhan kejam ini meninggalkan kesan yang mendalam kerana negara kita baru saja diumumkan sebagai negara aman yang ke-19 di dunia. Paling sadis jenayah disabitkan oleh perlakuan individu yang bermasalah jiwa dan mental serta tidak boleh dikenal pasti kerana individu ini kelihatan normal dan hidup bebas dalam masyarakat. Berdasarkan kajian, kes jenayah kanak-kanak juga boleh berlaku di mana-mana sahaja dan tingkah laku pefakunya sukar dijangkakan kerana tidak semua kes mempunyai corak perlakuan jenayah yang sama. Kes ini juga boleh dikaitkan dengan individu pedofilia yang mengalami gangguan psikoseksual.

Walaupun bagaimanapun, ibu bapalah yang perlu bertanggungjawab terhadap keselamatan anak-anak. Kebanyakan kes jenayah yang terjadi disebabkan kealpaan ibu bapa yang membenarkan kanak-kanak ini bersendirian. Sebenarnya, ibu bapa kepada kanak-kanak yang berusia bawah tujuh tahun secara sengaja mendedahkan anak mereka kepada kemungkinan diculik atau dilarikan, boleh dikenakan hukuman mengikut seksyen 31 Akta Kanak-kanak 2001. Seksyen 33 pula menyatakan adalah menjadi kesalahan jika ibu bapa atau penjaga membiarkan anak mereka tanpa pengawasan orang dewasa atau meninggalkan anak untuk satu tempoh yang tidak munasabah atau membiarkan mereka dalam keadaan tidak munasabah.

Ibu bapa harus mengajar anak supaya mempunyai sifat curiga kepada orang yang

Disediakan Oleh: Izzat Hakim Ismail

tidak dikenali dan menghadkan sempadan kehadiran orang yang tidak 'diiktiraf sebagai saudara mara atau sahabat keluarga. Kanak-kanak di bawah umur pula seharusnya sentiasa berada di bawah pengawasan keluarga. Kanak-kanak tidak seharusnya dibiarkan keluar bersendirian tanpa ditemani oleh ahli keluarga. Jangan sudah terhantuk, baru tengadah. Kesilapan sedetik ini akan menyebabkan penderitaan sepanjang hayat. Walaupun pesanan seperti ini sentiasa disampaikan, masih ada lagi ibu bapa yang beranggapan tiada salahnya membenarkan anak kecil berada di luar rumah kerana mereka sudah biasa dengan persekitaran kawasan tempat tinggal. Ibu bapa perlu mencari titik keseimbangan bagi memastikan masa berkualiti dapat diberikan kepada anak-anak. Ibu bapa juga perlu sedar bahawa anak-anak juga berhak untuk bersama-sama mereka. Jangan mengawasi anak-anak hanya secara bermusim. Sebagai contoh, ketika berlaku kes kehilangan kanak-kanak seperti Nurin Jazlin Jazmin dan Orang barulah ibu bapa sibuk memastikan keselamatan anak mereka terjamin. Selepas seketika, ingatan terhadap kejadian kanak-kanak hilang, dibunuh dan dibakar semakin terhakis. Ibu bapa kembali bersikap sambil lewa.

Harus menjadi ingatan, kejadian jenayah akan berlaku apabila wujud peluang yang luas untuk penjenayah bertindak. Penjenayah tidak seharusnya diberikan ruang dan peluang seperti ini. Peranan ibu bapa sangat penting dalam memastikan persekitaran anak sentiasa selamat. Ibu bapa merupakan benteng pertama dalam memastikan kehidupan anak terjamin. Semoga kisah arwah Nurul Nadirah Abdullah menjadi pengajaran yang berguna kepada semua pihak.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana Jangan ambil mudah keselamatan anak diluar rumah oleh Anuar Patho Rohman, Berita Harian Isnin 9 April 2012)

SET 50

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam dan kesan-kesan usaha tersebut kepada negara**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Pelbagai transformasi dilaksanakan oleh kerajaan yang dipimpin oleh Datuk Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak demi meningkatkan kredibiliti perkhidmatan awam di negara ini. Perkhidmatan awam yang dianggotai kira-kira 1.2 juta orang kakitangan tidak terkecuali daripada terlibat dalam transformasi sejajar dengan tuntutan untuk menzahirkan aspirasi kerajaan. Semua penjawat awam perlu berganding bahu dan berazam untuk merealisasikan aspirasi kerajaan yang mengutamakan prestasi dan bertunjangan keutamaan kepada rakyat.

Peranan penjawat awam amat signifikan dalam melaksanakan agenda negara. Teguran sering dibuat terhadap sikap negatif kakitangan awam yang kurang mesra di kaunter-kaunter apabila berurusan dengan pelanggan. Keadaan ini berlaku disebabkan sikap segelintir kakitangan awam yang tidak bertanggungjawab sehingga mencalar nama baik penjawat awam. Kakitangan awam perlu membudayakan kreativiti dan inovasi penjawat awam. Sementara itu, dalam usaha untuk memastikan setiap ringgit dan sen yang dibelanjakan mendapat pulangan nilai paling maksimum kepada kerajaan dan rakyat, amalan nilai untuk wang perlu dilaksanakan. Hal ini demikian kerana, kerajaan telah berbelanja berjuta-juta ringgit setiap tahun hanya untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam.

Yang paling perlu ialah kakitangan awam sendiri perlu melakukan anjakan paradigma untuk menghadapi cabaran pada masa depan. Pelbagai penyelesaian terbaik demi memartabatkan negara ke

SET RUMUSAN BAHASA MELAYU KERTAS 1103/2 - SPM

tahap yang lebih tinggi perlu dilaksanakan. Mereka hendaklah bersama-sama memberikan sepenuh komitmen dalam memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. Mereka juga perlu meningkatkan nilai integriti ketika bertugas. Peningkatan tahap integriti ini amat selari dengan komitmen kerajaan yang mahu mewujudkan sebuah pentadbiran yang mendahulukan rakyat dan mengutamakan pencapaian.

Kakitangan awam juga digesa untuk memberikan perkhidmatan yang lebih menjurus kepada usaha mempermudah dan mempercepat urusan pelanggan tanpa kerehah birokrasi. Sering kali kedengaran rungutan daripada mulut kebanyakan orang tentang kelewatan penjawat awam melaksanakan tugas mereka apabila mereka berurusan di pejabat-pejabat kerajaan. Cara ini didapati berupaya membendung amalan rasuah dalam kalangan penjawat awam. Ada juga kakitangan awam yang tidak segan silu meminta bayaran jika orang ramai mahukan urusan mereka dibuat dengan segera.

Pembaharuan demi pembaharuan yang dilakukan mampu menutup ruang-ruang kosong demi meningkatkan mutu perkhidmatan awam di negara ini. Hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan daya saing negara di persada antarabangsa bakal menjadi kenyataan tidak lama lagi. Semangat kerja secara berpasukan juga perlu diterapkan dalam setiap tugas yang dilaksanakan demi mencapai sasaran yang ditetapkan. Sesungguhnya setiap program yang dilaksanakan menjadi titik tolak yang melakar perubahan dalam sejarah perkhidmatan awam di negara ini.

(Dipetik dan diubah suai daripada “Transformasi Pkhidmatan Awam”,
oleh Abd. Kadir Mohd. Ayub,
dalam Dewan Masyarakat, Februari 2012)

SET 51

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kaedah-kaedah membendung kenaikan harga barang** dan **punca-punca kenaikan harga barang**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Isu kenaikan harga barang yang hangat diperkatakan kini menjadi mimpi ngeri, selain menghantui masyarakat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Keadaan yang berlaku ini menyebabkan kebanyakan orang membeli barangan yang benar-benar diperlukan sahaja. Hal ini disebabkan peningkatan harga barang menghimpit kehidupan masyarakat kerana mereka terpaksa membeli barang keperluan harian dengan harga yang lebih mahal daripada biasa.

Sehubungan dengan itu, sebahagian besar daripada pengguna menyusun strategi perbelanjaan harian semula termasuk belanja dapur yang diharapkan oleh mereka dapat meredakan tekanan kewangan akibat kenaikan harga barang. Sebagai pengguna, kita sepatutnya dapat bertindak secara bijaksana dengan mengawal perbelanjaan dan menguruskannya secara berkesan. Kita akan terasa perit pada mulanya kerana banyak perkara yang terpaksa diabaikan daripada senarai perbelanjaan berbanding dengan semasa kita hidup dalam suasana senang. Tindakan yang diambil ketika berhadapan dengan situasi perit ini dirasakan tidak selesa apabila pengguna mentransformasikan gaya hidup dengan mengamalkan perbelanjaan berhemat. Perubahan ini pasti dapat dilakukan dengan adanya kesungguhan sekalipun kita terpaksa mengorbankan kebiasaan yang sudah menjadi darah daging seperti mengurangkan perbelanjaan makan di luar, berhenti membeli produk berjenama, dan

Disediakan Oleh: Izzat Hakim Ismail

mengurangkan perbelanjaan bil telefon. Selain itu, pengguna mengambil langkah mengubah corak perbelanjaan harian keluarga supaya perbelanjaan dapat dirancang demi masa depan yang lebih baik.

Setiap pengguna yang bijak akan sentiasa melakukan pemantauan terhadap perbelanjaan yang tidak perlu kerana tindakan tersebut dapat membantu pengguna mengatur perbelanjaan bagi mengelakkan mereka daripada membeli barangan yang tidak diperlukan. Langkah ini diperkukuh dengan tindakan menyediakan senarai barangan keperluan sebelum keluar berbelanja. Pendekatan yang diambil itu semakin berkesan apabila pengguna tidak terdorong mengikut jejak langkah orang yang mengamalkan gaya hidup mewah. Menerusi pendekatan ini baharulah pengurusan pendapatan tidak mendatangkan kesan negatif kepada kehidupan diri dan tanggungan keluarga. Kejayaan seseorang mengawal perbelanjaan secara berhemat ini akan mengelakkan belian secara kredit ketika berbelanja yang menyebabkan orang ramai tidak dapat mengimbangi perbelanjaan sehingga berhadapan dengan krisis kewangan.

Sebagai pengguna, kita hendaklah berwaspada disebabkan kini bukanlah masa untuk bermewah-mewah. Sebaliknya kita hendaklah mempunyai pandangan yang jelas bahawa kenaikan harga barangan memberi kesan langsung kepada kos sara hidup. Hal yang berlaku ini akan menjejaskan taraf hidup kebanyakan orang, mereka berada pada tahap yang lebih miskin dengan pendapatan yang sama, dan sebahagian besar kehendak terpaksa dilupakan untuk memenuhi keperluan yang lebih utama dalam kehidupan.

(Dipetik dan diubah suai daripada “Berbelanja Secara Berhemat”
oleh Siti Balqis Arif, Dewan Ekonomi, Mac 2014)

SET 52

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian tulis satu rumusan tentang **punca-punca jenayah pemerdagangan manusia** dan **kesan-kesan daripada permasalahan ini**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Pemerdagangan manusia ialah masalah global yang kian meningkat jumlah kesnya sejak seabad yang lepas. Jenayah ini membabitkan perbuatan eksploitasi pada skala yang besar terhadap wanita, lelaki dewasa dan kanak-kanak dalam bentuk perhambaan moden. Mengikut laporan Amnesty International, pada tahun 2004 dianggarkan 700,000 orang diperdagangkan pada setiap tahun. Amat malang sekali kerana Malaysia dilihat sebagai tempat menarik oleh sindiket pemerdagangan manusia untuk menjalankan aktiviti mereka. Usaha kerajaan memerangi aktiviti pemerdagangan manusia berhadapan dengan pelbagai cabaran kerana isu ini merupakan jenayah rentas sempadan. Jenayah ini sukar dikesan kerana melibatkan banyak negara contohnya negara-negara yang berjiran dari segi kedudukan geografinya. Orang yang diperdagangkan direkrut oleh agensi-agensi pekerjaan secara sukarela mahupun secara paksa. Pada mulanya, mereka diperdagangkan kerana telah dijanjikan pekerjaan yang baik di negara yang menjadi destinasi. Mereka juga diyakinkan bahawa aktiviti ini tidak menyalahi peraturan.

Perkembangan ekonomi dan kemakmuran Malaysia menjadi tarikan utama kepada ramai warga asing dari seluruh dunia berhijrah ke negara kita. Kebanyakan mereka yang datang dari Indonesia,

SET RUMUSAN BAHASA MELAYU KERTAS 1103/2 - SPM

Bangladesh, Nepal dan Vietnam telah menjadi mangsa selepas dijanjikan pekerjaan dengan bayaran lumayan sedangkan semuanya palsu. Keadaan ini merancakkan aktiviti penyeludupan dan pemerdagangan manusia. Pada masa yang sama, kewujudan pusat hiburan yang beroperasi secara haram menyebabkan permintaan yang tinggi kepada aktiviti ini. Hal ini ditambah oleh, kedudukan Malaysia di tengah-tengah negara Asean yang menjadikannya antara lokasi strategik untuk aktiviti pemerdagangan manusia. Menyedari masalah itu, Akta Antipemerdagangan Orang 2007 telah diluluskan tetapi akta ini masih belum cukup kuat untuk menghalang jenayah ini. Selain itu, modus operandi sindiket yang membawa masuk mangsa sukar dikesan oleh pihak berkuasa disebabkan mereka memasuki Malaysia menggunakan pas lawatan sosial atau pas pelajar. Bukan hanya wanita, malahan lelaki dewasa turut diperdagangkan terutama untuk tujuan pengeksploitasian buruh. Kanak-kanak dan bayi juga mendapat permintaan yang tinggi bagi aktiviti meminta sedekah.

Selain itu juga, kesedaran dan kefahaman masyarakat Malaysia yang masih rendah tentang isu ini turut menjadi penyebab kepada permasalahan ini. Keuntungan lumayan yang diperoleh oleh sindiket dengan jumlah yang besar hasil daripada aktiviti pemerdagangan manusia juga menyebabkan kegiatan ini terus berleluasa. Kanak-kanak dan bayi diperdagangkan untuk dijadikan anak angkat kepada pasangan yang tidak mempunyai zuriat sendiri. Kemiskinan di negara asal membuatkan mangsa hilang pertimbangan kerana percaya akan janji-janji manis pihak sindiket. Penguatkuasaan undang-undang yang lemah seperti hukuman yang ringan turut menyebabkan kegiatan yang tidak bermoral ini terus berlaku. Kesimpulannya, sindiket pemerdagangan manusia dilihat semakin meruncing dari hari ke hari dan menggugat hak asasi manusia. Kerjasama masyarakat dunia diharap merupakan jalan terbaik bagi membendung jenayah ini daripada terus menjadi barah kepada masyarakat.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana, "Globalisasi dan Fenomena Pemerdagangan Manusia", informasiglobalisasi.blogspot.com, 22 Jun 2015, 9.50pm)

SET 53

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian buat satu rumusan tentang **kelebihan permainan tradisional** dan **kekangan yang dihadapi dalam usaha mempopularkannya**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Permainan tradisional meliputi pelbagai jenis dan bentuk seperti batu seremban, congkak, gasing, guli, galah panjang, sepak raga, sepak bulu ayam, tingting, konda-kondi, jala itik, wau, rebana, kertuk, tarik upih, senapang buluh, cop tiang, laga biji getah, dan banyak lagi. Permainan-permainan ini telah berjaya melestarikan warisan dan budaya nenek moyang yang diamalkan sejak zaman-berzaman. Walaupun permainan ini untuk kanak-kanak dan remaja, namun begitu boleh juga dimainkan oleh orang dewasa.

Permainan tradisional bukan sahaja menjadi kegiatan riadah, bahkan mempunyai fungsi pendidikan dalam kalangan masyarakat. Jika kita menelusuri sejarah permainan tradisional, permainan ini dimainkan oleh generasi terdahulu untuk pelbagai fungsi, misalnya untuk menguji kekuatan antara dua orang individu, pembesar atau negara. Permainan tersebut dapat merapatkan interaksi sosial, menanamkan nilai kejujuran dan berfikiran kritis. Malah, permainan tradisional dapat mempererat hubungan dalam kalangan pemain. Bagi permainan tradisional yang lebih popular seperti wau, gasing, dan kertuk, akan menarik penyertaan yang lebih ramai. Hal ini telah menjadi serampang dua

mata untuk mengukuhkan budaya bangsa di samping mengekalkan perpaduan dalam kalangan rakyat. Permainan tradisional juga boleh dimainkan di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja.

Setiap permainan tradisional menuntut pemainnya untuk berfikir, mengatur strategi, dan memilih teknik terbaik untuk memenangi pertandingan. Tindakan ini secara tidak langsung mengajar seseorang untuk berfikir agar melakukan sesuatu perkara dengan baik dan bijaksana. Tanpa strategi dan teknik yang berkesan, sudah pasti permainan menjadi hambar dan berakhir dengan kekalahan. Pendek kata, permainan tradisional dapat menjadi salah satu unsur pembangunan modal insan.

Permainan tradisional juga merupakan salah satu cara bagi seseorang anak atau remaja disosialisasikan. Apabila dewasa, mereka akan menjadi anggota masyarakat yang berkualiti. Berbeza dengan permainan moden, permainan tradisional tidak memerlukan peralatan atau gelanggang khas, malah peralatan yang diperlukan mudah didapati di sekeliling tempat tinggal. Manakala, permainan moden memerlukan kos yang tinggi dan memerlukan peralatan yang khusus untuk memainkannya.

Dalam konteks masyarakat kini, permainan tradisional sangat penting untuk dihidupkan semula bersama-sama dengan permainan moden. Permainan moden diperhebat kerana dipertandingkan di peringkat dunia, manakala permainan tradisional harus disuburkan untuk menjadi popular dalam kalangan rakyat. Negara perlu terkenal bukan sahaja melalui penyertaan dan kemenangan dalam permainan moden yang bertaraf dunia, bahkan turut dikenali dengan identiti warisan nenek moyangnya.

(Dipetik dan diubahsuai daripada "Remaja dan Permainan Tradisional", Hanapi Dolah, Dewan Siswa, September 2009)

SET 54

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **langkah-langkah mewujudkan tabiat pemakanan yang sihat dalam kalangan anak** dan **kepentingannya**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Kecenderungan kanak-kanak untuk memilih makanan segera mewujudkan tabiat pemakanan yang tidak sihat. Lebih memburukkan keadaan, kanak-kanak terdedah dan tertarik pada iklan makanan segera berjenama terkenal yang menggiurkan pada setiap hari. Makanan ringan sangat mudah diperoleh di merata-rata tempat malahan bukan suatu yang pelik apabila premis perniagaan yang menjual makanan segera banyak dibuka di hadapan pintu pagar sekolah.

Makanan ringan ini manis, berwarna-warni dan mempunyai pek pembungkus yang menarik di samping bungkus makanan ini dimuatkan dengan hadiah mainan kecil yang cukup mengujakan, terutamanya bagi kanak-kanak yang masih kecil.

Akademik Pediatrik Amerika mencadangkan beberapa kaedah bagi menyusun atur semula jadual pemakanan dan tabiat makanan seharian anak yang sihat. Kedua-dua pihak perlu sedar akan tanggungjawab masing-masing dalam mewujudkan tabiat pemakanan yang sihat. Ibu bapa

SET RUMUSAN BAHASA MELAYU KERTAS 1103/2 - SPM

bertanggungjawab untuk menyediakan pilihan makanan berkhasiat dalam hidangan makanan utama. Di samping itu, ibu bapa perlu menentukan jenis makanan, tempat dan waktu makan untuk anak-anak mereka.

Anak pula perlu bertanggungjawab untuk memilih kuantiti makanan yang perlu dimakan. Hal ini berkemungkinan memerlukan tempoh masa yang lama tetapi tindakan ini dapat meningkatkan tahap disiplin dari aspek pemilihan makanan yang berkhasiat. Ibu bapa wajar mengamalkan tabiat pemakanan yang sihat supaya dapat diteladani oleh anak-anak. Selain itu, saranan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi Kempen Gaya Hidup Sihat menggalakkan masyarakat mengambil makanan mengikut piramid makanan dalam menu harian. Melalui amalan ini, masyarakat lebih mudah berbincang tentang tabiat pemakanan dan jenis makanan yang baik bagi seisi keluarga.

Malahan, ibu bapa juga digalakkan untuk makan bersama-sama anak dalam tempoh yang kerap. Menu makanan yang disediakan perlu menarik, pelbagai dan segar. Jika mampu, anak boleh dibawa berjumpa pakar pemakanan atau hadir ke pusat kesihatan supaya pemeriksaan kesihatan dilakukan dan khidmat nasihat yang sewajarnya diperolehi. Nasihat doktor tentang tabiat makanan yang betul lebih dipercayai oleh anak berbanding dengan nasihat ibu bapa. Daripada perspektif agama, didikan tentang kepentingan penjagaan aspek pemakanan berdasarkan konsep bersih dan berkualiti menjadi tanggungjawab ibu bapa. Maka, ibu bapa perlu berusaha sebaik-baik mungkin supaya kaedah pemakanan dan cara hidup yang berkualiti selaras dengan agama dibudayakan.

Jika pemakanan anak tidak diselaras dan dikawal oleh ibu bapa, anak mudah menghidap penyakit kronik yang dapat memberikan kesan negatif. Oleh itu, pemilihan makanan yang tepat turut membantu seisi keluarga memiliki badan yang sihat. Ironinya, kita perlu mengambil makanan yang sihat supaya individu dan masyarakat menerima kesan positif daripada tabiat pemakanan ini. Jika masyarakat masih ingkar dan tidak mahu berubah sudah pasti jumlah pesakit penyakit kronik di negara ini akan bertambah. Ketika itu mungkin sudah terlewat untuk kita semua mengambil langkah pencegahan kerana mencegah lebih baik daripada mengubati.